



# 2021

## LAPORAN TAHUNAN

AKADEMI PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

Peneraju Pusat Kecemerlangan Pencegahan Rasuah

## SIDANG REDAKSI

Laporan Tahunan MACA 2021

### **PENASIHAT**

TPj Dato' Hj Idris bin Zaharudin

### **PENGERUSI**

KPKPj Zuhairie bin Abu Bakar

### **KETUA PENGARANG**

PsK Abdul Malek bin Abdullah

### **PENGARANG**

Pn. Norul Hazlina binti Mohmed Atar

### **EDITOR**

PsK Suriati binti Sukardi

PsK Shani bin Mandu

PsK Kamarul Zaman bin Mosman

PsK (K) Wan Narmi Aziana binti Wan Abdullah

### **PEREKA GRAFIK**

PPs (K) Nur Shahida Azlin binti Mohamad Dee

Cik Aisyah Amalin binti Muhd Zalani

### **PENYUMBANG BAHAN**

Pn. Hairulnisak binti Kassim

Encik Saidin Omar bin Muchlis

Cik Josephine Joseph

Sidang Redaksi merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung sehingga terhasilnya penerbitan ini.

### AKRONIM GELARAN JAWATAN

|                                    |       |
|------------------------------------|-------|
| ○ Ketua Pesuruhjaya                | KPj   |
| ○ Timbalan Ketua Pesuruhjaya       | TKPj  |
| ○ Pesuruhjaya                      | Pj    |
| ○ Timbalan Pesuruhjaya             | TPj   |
| ○ Ketua Penolong Kanan Pesuruhjaya | KPKPj |
| ○ Penolong Kanan Pesuruhjaya       | PKPj  |
| ○ Penolong Pesuruhjaya             | PPj   |
| ○ Penguasa Kanan                   | PsK   |
| ○ Penguasa                         | Ps    |
| ○ Ketua Penolong Kanan Penguasa    | KPKPs |
| ○ Penolong Kanan Penguasa          | PKPs  |
| ○ Penolong Penguasa                | PPs   |

# KANDUNGAN

|  |            |
|--|------------|
| <b>PERUTUSAN KETUA PESURUHJAYA SPRM</b>  | <b>i</b>   |
| <b>MUTIARA KATA TIMBALAN KETUA PESURUHJAYA<br/>(PENGURUSAN &amp; PROFESIONALISME) SPRM</b> | <b>ii</b>  |
| <b>PERUTUSAN PENGARAH MACA</b>   | <b>iii</b> |
| <b>DARI MEJA KETUA PENGARANG</b>   | <b>v</b>   |
| <b>PROFIL KORPORAT</b>   | <b>1</b>   |
| <b>PENCAPAIAN DAN PENGIKTIRAFAN</b>  | <b>15</b>  |
| <b>ANTARABANGSA</b>  | <b>31</b>  |
| <b>AKADEMIK</b>  | <b>37</b>  |
| <b>INTEGRITI</b>   | <b>55</b>  |
| <b>MODAL INSAN</b>   | <b>65</b>  |
| <b>PENGURUSAN</b>  | <b>93</b>  |
| <b>KELAB SUKAN DAN REKREASI MACA</b>   | <b>107</b> |
| <b>PUSPANITA CAWANGAN MACA</b>   | <b>109</b> |
| <b>LAMPIRAN</b>  | <b>113</b> |

# Perutusan

## Ketua Pesuruhjaya SPRM

KPj TAN SRI DATO' SRI HJ AZAM BIN BAKI



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَكَرَامَاتُهُ

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,  
Salam sejahtera dan salam perangi rasuah.

Alhamdulillah, dengan izin dan kurniaNya, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah berjaya mengharungi tahun 2021 yang penuh ranjau berduri serta memenuhi aspirasi yang dirancang sepanjang tahun. Kejayaan ini bukanlah datang bergolek. Sesungguhnya, ia merupakan hasil terjemahan kebersamaan seluruh cabang SPRM di peringkat Ibu Pejabat, Negeri dan Bahagian dalam melaksanakan tanggungjawab membanteras rasuah dan salahguna kuasa serta menyebarkan mesej menolak budaya rasuah kepada masyarakat.

Walaupun demikian, SPRM melalui MACA tetap meneruskan fungsi latihannya dengan melaksanakan 96 program latihan melibatkan 3,763 peserta bagi tahun 2021. Ternyata MACA telah menemui perspektif pengajaran dan pembelajaran dalam dimensi baru dan kini mampu menyusun strategi efektif serta berimpak tinggi dalam usaha untuk mencegah jenayah rasuah pada masa akan datang.

Dalam usaha untuk memantapkan dan meningkatkan pengetahuan pegawai-pegawai SPRM serta memastikan pelaksanaan tugas yang lebih profesional dan berdaya saing, MACA telah memperluaskan lagi peluang menaik taraf akademik pegawai SPRM dengan menyediakan program Professional Diploma in International Law Enforcement: Anti-Corruption Studies (Level 5) (Blended Learning) for in Service MACC Officer yang diakreditasi oleh Quality Assurance Agency (QAA), United Kingdom. Kolaborasi dengan pihak Nottingham Trent University (NTU), United Kingdom ini telah dipersetujui oleh kerajaan sehingga tahun 2025.

SPRM juga sentiasa bersedia merealisasikan hasrat kerajaan dalam usaha untuk memperkukuhkan tadbir urus dan integriti dalam sektor awam dan swasta melalui program latihan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) dan Seksyen 17A Akta SPRM 2021 yang dilaksanakan secara berterusan oleh MACA.

Akhir kata, saya amat berharap semoga cabang latihan dan akademik SPRM akan terus berkembang maju demi melahirkan pasukan SPRM yang berkualiti, berintegriti tinggi dan berilmu. Semoga MACA akan terus menjadi sebuah Institusi Latihan Awam yang progresif dan relevan demi memperkasakan pencegahan rasuah di Malaysia, insyaallah.

# Mutiara Kata

Timbalan Ketua Pesuruhjaya  
(Pengurusan dan Profesionalisme) SPRM

TKPj DATO' JUNIPAH BINTI WANDI



Sikap ambil peduli dan prihatin serta peka terhadap sesama warga adalah salah satu elemen yang penting dalam kesejahteraan psikologi, membina semangat kerja berpasukan dan menghindar dari gejala-gejala yang negatif. Saya berharap dengan usaha dan tenaga kerja berpasukan dalam jabatan kita, dapat membentuk semangat dan sifat “ta’awun” dalam kalangan kita untuk mencapai objektif yang sama iaitu menjadikan seluruh warga kerja SPRM yang sentiasa bermotivasi tinggi, berdaya saing, bijak menguruskan emosi dan mempunyai integriti yang tinggi bagi mencapai misi SPRM iaitu menjadikan SPRM sebagai organisasi yang dinamik dan progresif melalui pembangunan kapasiti dan kapabiliti yang berterusan.

*Ucuptama dan Majlis Perasmian Webinar Inovasi dan Psikologi SPRM Tahun 2021 – Pemerkasaan Modal Insan dan Kesejahteraan Psikologi: 4 Oktober 2021  
Ibu Pejabat SPRM, Putrajaya*

السَّلَامُ عَلَيْنَا وَمَوْجِبَاتُ اللَّهِ مِنْ كِتَابِهِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,  
Salam sejahtera dan salam #KeluargaMalaysia.

Bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan perkenanNya, saya dan seluruh warga MACA masih dapat menumpahkan khidmat bakti sepanjang tahun 2021 yang serba mencabar demi mendukung amanah masyarakat dalam membanteras budaya rasuah.

Ternyata, pada tahun 2021 kita masih lagi dibelenggu dengan wabak Covid-19 yang menguji kekuatan dan daya tahan kita sebagai individu, organisasi dan negara. Pada awalnya, kita hampir tersungkur rebah, meraba-raba di dalam kegelapan mencari arah tuju yang tidak pasti. Pengalaman sepanjang tahun 2020 lalu banyak mengajar kita agar lebih bersedia untuk merancang dengan lebih teliti dan berfikir di luar kotak. Kini kita sudah mampu menyusun langkah walau dalam kesamaran. Walau bagaimanapun, kita tidak boleh kekal dalam suasana selesa, tetapi sebaliknya perlu meningkatkan usaha untuk menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan secara berterusan bagi meningkatkan daya saing negara.

Penawaran program latihan secara maya merupakan “game changer” yang dilihat berkesan dalam mengekalkan momentum MACA sebagai penyedia program latihan pencegahan rasuah terulung di Malaysia. Sebanyak 65 program latihan telah dirancang untuk tahun 2021 tetapi kemudiannya pencapaian telah meningkat menjadi 96 kursus menjelang penghujung tahun dengan pelaksanaan beberapa program latihan ad-hoc.

Selain itu, program pengajian Professional Diploma in International Law Enforcement: Anti-Corruption Studies (Level 5) (Blended Learning) for In-Service MACC Officer yang telah memulakan sesi pembelajaran Cohort 1 pada 22 Februari 2021 khusus untuk Pegawai SPRM yang sedang dalam perkhidmatan dan memiliki tahap pendidikan tertinggi di peringkat SPM dan STPM. Manakala program Professional Diploma in International Law Enforcement: Anti-Corruption Studies (Level 5) dan Post Graduate in Diploma in International Law Enforcement: Anti-Corruption Leadership (Level 7) pula menyambung kerjasama (Perjanjian Tambahan Ke Dua) untuk tempoh 5 tahun lagi sehingga tahun 2025.

Selain itu, saya turut berasa terharu dan bangga dengan usaha dan semangat seluruh warga MACA dalam mengekalkan prestasi Petunjuk Prestasi Utama (KPI) sehingga melayakkan kita menerima Sijil Penghargaan Pencapaian Markah Tertinggi (Tier-3) Keseluruhan SPRM bagi tahun 2020. Saya amat berharap agar kecemerlangan ini berkesinambungan hingga ke akhirnya.

MACA akan terus meneroka ruang dan peluang untuk mencapai aspirasi yang membanggakan pada masa hadapan. Usaha untuk meningkatkan kompetensi tenaga pengajar dan mengakreditasi dan mendapatkan pengiktirafan untuk modul akademik dalam sektor pencegahan rasuah agar lebih berkualiti masih diteruskan melalui jalinan kerjasama dengan badan-badan profesional tempatan dan antarabangsa. Dengan pembangunan sistem GMACA, pentadbiran MACA akan lebih sistematik dalam menguruskan data melibatkan MACA dan SPRM seluruhnya melalui sistem maklumat bersepadu tersebut.

# Perutusan

## Pengarah MACA

TPj DATO' HJ IDRIS BIN ZAHARUDIN



Akhir sekali, penghargaan dan terima kasih saya titipkan kepada Pucuk Pimpinan Tertinggi SPRM yang sentiasa menyediakan ruang dan peluang kepada MACA untuk terus berkembang maju dan berdaya saing di persada tempatan dan antarabangsa. Sokongan dan idea bernas yang diketengahkan sentiasa membuatkan MACA sentiasa produktif dan relevan dalam penghasilannya. Saya ingin mengingatkan semua, sekiranya segala kebaikan yang telah kita curahkan selama ini tiada mata yang memandang, yakinlah bahawa ianya tetap akan ditulis oleh-Nya sebagai suatu ibadah yang menyumbang kepada saham akhirat kita kelak. Oleh itu, teruslah ikhlas dalam melaksana amanah yang diletakkan dibahu kita.

MACA positif untuk mencapai taraf setara dengan Institusi Pengajian Tinggi dan Badan-badan Profesional di Malaysia menjelang tahun 2025.

# Dari Meja

## KETUA PENGARANG

PsK ABDUL MALEK BIN ABDULLAH



السلام عليكم ورحمة الله وبركاته  
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Alhamdulillah dan syukur kepada Allah S.W.T kerana dengan keizinan dan limpah kurniaNya naskah Laporan Tahunan 2021 Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) telah berjaya dihasilkan buat kesekian kalinya.

Di samping melaporkan data analisis pencapaian program dan aktiviti MACA bagi tahun 2021 yang meliputi pelbagai program latihan mengikut jadual perancangan yang telah disusun rapi, naskah Laporan Tahunan MACA 2021 ini juga merakamkan pencapaian dan juga kejayaan yang telah diperolehi oleh MACA sepanjang tahun 2021. Kesimpulan yang boleh saya katakan adalah naskah ini merupakan satu dokumen penting yang menjadi sumber maklumat, pengumpulan data komprehensif, rujukan dan panduan kepada semua pegawai dan kakitangan samada di peringkat MACA khususnya dan juga SPRM amnya.

Sebagai Ketua Pengarang, saya dengan seikhlas hati ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah terlibat menjayakan penerbitan Buku Laporan Tahunan MACA 2021 ini khususnya 'team' Unit Penerbitan dan Korporat, PRCC, penyumbang bahan dan juga para editor dan ahli jawatankuasa pelaporan yang telah berusaha dengan penuh dedikasi dan komitmen bagi memastikan penerbitan naskah ini berjaya.

Tidak lupa juga ucapan jutaan terima kepada YBhg. Dato' Pengarah MACA dan barisan Pengurusan MACA di atas sokongan dalam menjayakan usaha ini.

Sekian, terima kasih.





# PROFIL KORPORAT

# PROFIL KORPORAT

## Ringkasan Eksekutif

Meniti tahun kedua mengharungi kehidupan dalam dunia yang dilanda pandemik Covid-19 menjadikan MACA semakin kukuh dan yakin dalam mengatur perjalanan dan operasi organisasinya. Suasana perkhidmatan awam terkesan dengan musibah tersebut, namun begitu amanah yang dipikul perlu dilaksanakan dengan rasa tanggungjawab dan berintegriti.

Kini, tibalah masanya untuk MACA mengubah posisi layarnya sesuai dengan peredaran angin semasa bagi memastikan SPRM terus kompeten menyediakan perkhidmatan terbaik untuk Keluarga Malaysia. Pelbagai inisiatif baru diperkenalkan bagi membolehkan perancangan strategik yang diilhamkan menjadi kenyataan. Kini, pemegang taruh SPRM semakin yakin dan terbiasa dengan pelaksanaan program latihan secara maya tanpa perlu bersua muka. Penghargaan dan terima kasih perlu didedikasikan kepada pemikir teknologi maklumat dan komunikasi yang merealisasikan perhubungan meskipun berada dalam ruang yang berbeza.

## **SPRM-NTU Teruskan Perjanjian dan Naik Taraf Kualiti Pegawai SPRM Dalam Perkhidmatan**

Setelah berjaya membina platform lebih tinggi untuk generasi baru pegawai SPRM memperoleh pendidikan yang berkualiti dan diiktiraf, SPRM dan NTU terus mengorak selangkah lagi ke hadapan dengan menaik taraf tahap akademik pegawai SPRM dalam perkhidmatan yang hanya memiliki tahap pendidikan tertinggi Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) atau Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk memperoleh sijil pendidikan yang lebih tinggi.

Program *Professional Diploma in International Law Enforcement: Anti-Corruption Studies (Level 5) (Blended) for In-Service MACC Officers* mula dilaksanakan pada 22 Februari 2021 dengan susunan modul yang sedikit berbeza dengan program lainnya yang bertujuan untuk mengiktiraf kepakaran, kemahiran dan keilmuan yang sedia ada pada mereka.

## **KSU dan SUKN Adalah “Integrity Champion”**

“*You Are an Integrity Champion*” merupakan program pengukuhan integriti khusus untuk Ketua Setiausaha (KSU) serta Setiausaha Kerajaan Negeri (SUKN) yang dilaksanakan pada 25 Mac 2021 secara maya yang dikemudi oleh Pusat Pembangunan Integriti Korporat (CIDC), MACA. Program tersebut menyaksikan penglibatan Ketua Setiausaha Negara (KSN), YBhg. Tan Sri Mohd Zuki bin Ali serta 27 orang KSU dan 13 orang SUKN.

## **Majlis Penganugerahan Pingat SPRM**

Pingat Khidmat Setia (PKS) merupakan pingat dalaman SPRM yang telah digariskan dalam Perintah Tetap Bilangan 1 Tahun 2012 dan telah dimurnikan semula melalui Arahan Ketua Pesuruhjaya Bilangan 5 Tahun 2021 (Pengurusan Pencalonan Pingat-pingat SPRM). Buat julung kalinya, Unit Protokol dan Istiadat SPRM (UPIS) mengemudi Majlis Penganugerahan Pingat SPRM yang dianugerahkan kepada 447 pegawai dan kakitangan SPRM.

## **Perkongsian Ilmu MACA (PIM)**

Siri Perkongsian Ilmu Pencegahan Rasuah merupakan program penyaluran maklumat dan pengetahuan terkini kepada pegawai SPRM secara berterusan. Sebagai salah satu medium yang membolehkan Pegawai SPRM menerokai maklumat dan bidang-bidang baharu, program berformatkan webinar ini membawakan pakar-pakar dalam bidang-bidang yang disasarkan bagi membuka lebih banyak ruang perbincangan khusus untuk Pegawai SPRM seluruh Malaysia.

## **Perasmian Gelanggang Sukan MACA**

Kerja-kerja menaik taraf Gelanggang Sukan MACA kepada gelanggang sukan berkualiti tinggi telah dimulakan pada bulan Mei 2021 dan siap sepenuhnya pada bulan Oktober 2021 melibatkan kos keseluruhan berjumlah RM298,000.00. Ketua Pesuruhjaya SPRM, YBhg. Tan Sri Dato' Sri Haji Azam bin Baki telah menyempurnakan Majlis Perasmian Gelanggang Sukan MACA pada 26 November 2021.

## Aspirasi MACA 2021

Tanggungjawab MACA sebagai Pemberi Pendidikan Tertinggi (PPT) baru bermula. Masih banyak perkara yang perlu diusahakan dan ditelusuri untuk menyediakan platform pengajaran dan pembelajaran berteraskan model pencegahan rasuah di samping mencari peluang-peluang baharu untuk mencapai perancangan Pelan Strategik SPRM 2021-2025.

Kesinambungan dua program akreditasi Latihan Asas Pegawai SPRM bersama Nottingham Trent University (NTU) bagi tempoh lima tahun lagi membuktikan komitmen SPRM dan Kerajaan Malaysia bagi meningkatkan kualiti pendidikan dalam bidang penguatkuasaan dan pencegahan rasuah di Malaysia dan diperingkat antarabangsa, khususnya untuk pegawai SPRM.

Sasaran mendapatkan akreditasi bagi modul *Certified Corruption Investigation*, *Certified Corruption Intelligence*, *Certified Corruption Interrogator*, *Certified Crime Investigation (Fraud)* dan Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) juga masih diteruskan melalui jalinan kerjasama strategik dengan badan-badan profesional tempatan dan luar negara.

Dalam usaha untuk membina sebuah institusi latihan awam yang teguh, relevan serta komprehensif, MACA terus gigih memperkasakan struktur dan pengoperasiannya selain membentuk Program Pembangunan Intervensi Sumber Manusia yang progresif serta mampu menyediakan tenaga pengajar yang berkualiti dan bertauliah sebagai sumber rujukan maklumat berkaitan pencegahan rasuah.



## VISI

- Menjadi sebuah pusat kecemerlangan pencegahan rasuah bertaraf serantau dan antarabangsa.



## MISI

- Meneraju pembangunan modal insan SPRM secara dinamik, progresif dan berterusan;
- Meningkatkan kapasiti dan kapabiliti sektor awam dan swasta dalam usaha pencegahan rasuah melalui perkongsian bestari; dan
- Menjalin rangkaian perkongsian strategik di peringkat antarabangsa melalui program pencegahan rasuah.

# OBJEKTIF

01 Memantapkan kebebasan, ketelusan dan profesionalisme pegawai SPRM di dalam melaksanakan tugas;

02 Mengukuhkan Integriti dan Akauntabiliti pegawai SPRM melalui program latihan yang berkesan dan berterusan;

03 Melatih modal insan sektor awam bagi meningkatkan kapasiti dan kapabiliti dalam usaha pencegahan rasuah;

04 Meningkatkan program latihan pencegahan rasuah melalui perkongsian bestari bersama sektor swasta;

05 Memperluaskan usahasama (*collaboration*) dan kerjasama (*cooperation*) dengan agensi penguatkuasaan, institusi latihan dan badan-badan antarabangsa; dan

06 Menganjurkan program pembangunan kapasiti dan kapabiliti bagi masyarakat global.

# PIAGAM PELANGGAN

Kami berjanji merancang dan melaksanakan program latihan yang berkualiti dan menepati keperluan pelanggan dengan:

- 01 Menyampaikan maklumat program latihan kepada pelanggan sekurang-kurangnya dua (2) minggu untuk program domestik dan tiga (3) bulan bagi program antarabangsa sebelum kursus bermula;
- 02 Melaksanakan sekurang-kurangnya 90 peratus daripada program latihan yang dirancang setiap tahun;
- 03 Menjalankan sekurang-kurangnya dua (2) kajian setahun;
- 04 Menghasilkan sekurang-kurangnya dua (2) penerbitan setahun;
- 05 Menjalankan sekurang-kurangnya dua (2) konsultasi berbentuk latihan setahun;
- 06 Menyediakan laporan penilaian program latihan selewat-lewatnya dua (2) minggu selepas tamat program; dan
- 07 Memastikan penyampaian penceramah program latihan mendapat penilaian tidak kurang daripada lapan puluh (80) peratus.

# KUMPULAN SASARAN


Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia mensasarkan latihan dan program pencegahan rasuah kepada para peserta dari dalam dan luar negara. Penglibatan empat kumpulan sasaran ini mencerminkan peranan MACA sebagai institusi latihan khusus dalam pencegahan rasuah:-





# CARTA ORGANISASI 2021

AKADEMI PENGEGAHAN RASUJAH MALAYSIA



# BARISAN KEPIMPINAN MACA

(Sehingga Disember 2021)



**TPj DATO' HJ IDRIS BIN ZAHARUDIN**  
PENGARAH



**KPKPj ZUHAIRIE BIN ABU BAKAR**  
TIMBALAN PENGARAH  
(PENGURUSAN)



**KPKPj ZAKIAH BINTI HASSAN**  
TIMBALAN PENGARAH  
(AKADEMIK & LATIHAN ASAS)  
(SEPTEMBER 2021 - KINI)

# BARISAN KEPIMPINAN MACA

(Sehingga Disember 2021)



**PKPj MOHD SAUD AYUTOLLAH  
BIN ABDUL MANAN**  
KETUA PUSAT KECEMERLANGAN  
KEPIMPINAN SPRM



**PKPj UMI KALUSOM  
BINTI AHMAD**  
KETUA PUSAT AKADEMIK



**PKPj ZAKARIA BIN TAIB**  
KETUA PUSAT  
PENGAJIAN ANTARABANGSA  
(FEBRUARI 2021 - KINI)



**PKPj SHUHAIMI BIN MAN**  
KETUA PUSAT LATIHAN ASAS



**PsK GLENN LORES**  
KETUA PUSAT PEMATUHAN  
ANTIRASUAH KORPORAT  
(25 FEBRUARI 2019 - JULAI 2021)



**PPj ALIZA BINTI ABD GHANI**  
KETUA PUSAT PEMATUHAN  
ANTIRASUAH KORPORAT  
(OGOS 2021- KINI)

# BARISAN KEPIMPINAN MACA

(Sehingga Disember 2021)



**PPj ELDRIN GEORGE**  
KETUA PUSAT  
SEKRETARIAT AKREDITASI



**PPj ERFIEZA BIN MUJEINI**  
KETUA PUSAT PEMBANGUNAN  
INTEGRITI KORPORAT



**PsK ABDUL MALEK BIN ABDULLAH**  
KETUA PUSAT PERANCANGAN,  
PENYELIDIKAN & KORPORAT  
(JUN 2017 - DISEMBER 2021)



**PPj HAMZAH BIN IBRAHIM**  
KETUA SEKOLAH  
PENYIASATAN & FORENSIK  
(JUN 2020 - FEBRUARI 2021)



**PsK EDWIN IPOK**  
KETUA SEKOLAH  
PENYIASATAN & FORENSIK/  
SEKOLAH PERUNDANGAN &  
PENDAKWAAN  
(MAC 2021 - KINI)



**PsK HUZAIMI BIN HUSAIN**  
KETUA SEKOLAH  
PERISIKAN & PENGESANAN

# BARISAN KEPIMPINAN MACA

(Sehingga Disember 2021)



**PsK FIRDAUS BIN UMAR@ADLI**  
KETUA SEKOLAH PENCEGAHAN  
RASUAH & PENGURUSAN  
(DISEMBER 2018 - JANUARI 2021)



**PsK KAMARUL ZAMAN  
BIN MOSMAN**  
KETUA SEKOLAH  
PENCEGAHAN  
RASUAH & PENGURUSAN  
(FEBRUARI 2021 - KINI)



**Ps MAZRI BIN MANSOR**  
KETUA UNIT PROTOKOL &  
ISTIADAT SPRM



**PN. KATHERENE SHAMALA  
A/P NAGESWARAN**  
KETUA BAHAGIAN PENGURUSAN



**PsK (K) WAN NARMI AZIANA  
BINTI WAN ABDULLAH**  
KETUA PUSAT BAHASA MACA



**MACA**





# **PENCAPAIAN DAN PENGIKTIRAFAN**

# PENCAPAIAN DAN PENGIKTIRAFAN

## Program Latihan Tahunan SPRM 2021

Sebagai sebuah Institut Latihan Awam (ILA), Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) telah melaksanakan pelbagai inisiatif pengajaran dan pembelajaran untuk membentuk amalan tadbir urus organisasi yang berintegriti, cekap dan berkesan meskipun berhadapan dengan situasi pandemik Covid-19.

Program-program latihan yang dilaksanakan meliputi program latihan secara maya serta program bersemuka bagi program-program berskala kecil dengan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) ketat yang digariskan kerajaan bagi mengurangkan risiko jangkitan wabak Covid 19.

Berikut merupakan maklumat berkaitan pelaksanaan Program Latihan Tahunan SPRM sepanjang tahun 2021:-

### Pencapaian Keseluruhan Program Latihan Tahunan SPRM 2021






### Kategori Program Latihan Tahunan SPRM 2021



### Pecahan Kehadiran Peserta Program Latihan Tahunan SPRM 2021



### KAEDAH PEMBELAJARAN



## SPRM - NTU Berkolaborasi Lima Tahun Lagi

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) melalui Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) telah memperkenalkan dua program pengajian iaitu *Professional Diploma in International Law Enforcement: Anti-Corruption Studies* (Diploma Profesional Penguatkuasaan Undang-undang Antarabangsa: Pengajian Antirasuah) pada tahap 5 dan *Postgraduate Diploma in International Law Enforcement: Anti-Corruption Leadership* (Diploma Pascasiswazah Penguatkuasaan Undang-undang Antarabangsa: Kepimpinan dalam Antirasuah) pada tahap 7 dalam usaha menaik taraf tahap pendidikan pegawai-pegawainya.

Pada 27 Julai 2021, SPRM dan Nottingham Trent University (NTU), United Kingdom mencapai persetujuan menyambung perjanjian kerjasama bagi tempoh lima tahun lagi sehingga tahun 2025 menerusi dua program pengajian yang telah dimeterai dalam Majlis Menandatangani Perjanjian Kerjasama (Perjanjian Tambahan Ke-2) antara kedua-dua pihak.

Perjanjian tersebut merupakan kesinambungan daripada perjanjian pertama yang dibuat pada tahun 2017 yang menyaksikan komitmen SPRM dan Kerajaan Malaysia bagi meningkatkan kualiti pendidikan dalam bidang penguatkuasaan dan pencegahan rasuah di Malaysia dan diperingkat antarabangsa, khususnya kepada pegawai SPRM.




## Naik Taraf Akademik Bagi Pegawai SPRM

Pihak Pengurusan Tertinggi SPRM sentiasa mencipta ruang dan peluang kepada pegawainya untuk menaik taraf tahap pendidikan dan akademik ke peringkat yang lebih tinggi.

Program Akreditasi Kursus Asas Pegawai SPRM yang telah mendapat pengiktirafan akreditasi daripada Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa – Nottingham Trent University, United Kingdom yang dikemudi oleh Pusat Sekretariat Akreditasi Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) telah melonjakkan taraf pegawai SPRM dalam kualiti akademik ke satu fasa baru yang setanding pelajar lekatan Institusi Pengajian Tinggi tempatan dan antarabangsa.

Selain pegawai kadet SPRM lantikan baharu, Pegawai SPRM dalam perkhidmatan turut mendapat peluang untuk meningkatkan tahap pendidikan mereka. Program *Professional Diploma in International Law Enforcement: Anti-Corruption Studies (Level 5) for In-Service MACC Officer* merupakan program modul akademik yang ditawarkan kepada Pegawai SPRM dalam perkhidmatan yang hanya memiliki tahap pendidikan tertinggi Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sahaja.



**PROFESSIONAL DIPLOMA IN INTERNATIONAL LAW  
ENFORCEMENT: ANTI-CORRUPTION STUDIES (LEVEL 5)  
FOR IN-SERVICE MACC OFFICER**



Diakreditasi oleh  
**Quality Assurance  
Agency (QAA), UK**

**08 JUN 2020**



**Proses Pelaksanaan Program**

**1**

Pengajaran dan pembelajaran dalam pelbagai pendekatan (bersemuka/ dalam talian / kendiri) dengan pendekatan pedagogi.

Bahan pengajaran dan pembelajaran berbentuk *module handbook*, e-nota serta video pelbagai format yang dikongsi melalui Aplikasi *Google Classroom* dan *MACCDRIVE*.

**2**


**1**

Mengikuti keseluruhan tempoh pengajian (sesi pendaftaran, sesi kuliah dalam talian, sesi kuliah bersemuka, tutorial, simulasi, pembentangan dan penilaian akhir berkelompok).

## COHORT 1 TAHUN 2021



*Professional Diploma in  
International Law Enforcement: Anti-Corruption Studies (Level 5)  
(Blended Learning) for In-Service MACC Officer  
Cohort 1*



## MACA Terima Sijil Penghargaan Pencapaian Markah Tertinggi (Tier-3) KPI SPRM Tahun 2020

Petunjuk Prestasi Utama (KPI) ialah kaedah yang digunakan untuk mengukur nilai pencapaian sasaran individu atau organisasi dengan cara menetapkan sasaran dan mengesan kemajuan terhadap sasaran tersebut.

Pengarah Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA), YBhg. Dato' Hj Idris bin Zaharudin berjaya memperolehi pencapaian cemerlang apabila dianugerahkan Sijil Penghargaan Pencapaian Markah Tertinggi (Tier-3) Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Keseluruhan SPRM Tahun 2020 pada Mesyuarat Penjajaran Petunjuk Prestasi Utama (KPI) SPRM 2021-2022 di Ibu Pejabat SPRM, Putrajaya pada 8 Mac 2021.

Sijil tersebut telah disampaikan oleh Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan dan Profesionalisme) SPRM, YBhg. Dato' Junipah binti Wandi.



## Anugerah Khas Ketua Pesuruhjaya SPRM 2020

Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) turut dikurniakan Anugerah Khas Ketua Pesuruhjaya SPRM 2020 dan sijil penghargaan atas pencapaian pengiktirafan sebagai Pemberi Pendidikan Tertinggi (PPT) oleh Malaysian Qualification Agency (MQA) sempena Anugerah Apresiasi Kecemerlangan SPRM 2020 pada 31 Mac 2021.

Di samping itu, MACA juga menerima anugerah dan sijil penghargaan atas khidmat bakti bertindak sebagai Pusat Kuarantin Sementara Covid-19 bermula 25 Mac hingga 31 Disember 2020.



## Perasmian Gelanggang Sukan MACA: Sukan Sebagai Agen Penyatuan

Sukan sememangnya menyatukan pasukan apabila setiap individu di dalamnya bersama-sama berusaha keras mencapai kemenangan. Begitu juga amalan terbaik yang terdapat di dalam sesebuah organisasi yang sentiasa mendambakan kemajuan dan kejayaan bagi memastikan organisasi sentiasa relevan dan efektif kepada semua pemegang taruh.

Perasmian Gelanggang Sukan MACA telah disempurnakan oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM, YBhg. Tan Sri Dato' Sri Haji Azam bin Baki pada 26 November 2021. Kerja-kerja menaik taraf Gelanggang Sukan MACA kepada gelanggang sukan berkualiti tinggi telah dimulakan pada bulan Mei 2021 dan siap sepenuhnya pada bulan Oktober 2021 melibatkan kos keseluruhan berjumlah RM298,000. Gelanggang ini menempatkan fasiliti berbumbung dan berlampu bagi kegunaan sukan futsal, bola tampar, badminton, sepak takraw dan bola jaring.

Dalam ucapannya, Tan Sri Dato' Sri Haji Azam memberi peringatan kepada warga SPM bahawa dalam dunia serba mencabar ini, kesihatan fizikal dan mental perlulah dijaga dengan baik serta jauhi diri daripada gaya hidup yang tidak sihat seperti penyalahgunaan dadah, alkohol dan sebagainya.

Amalan bersukan dan beriadah ini juga adalah selaras dengan seruan kerajaan bagi menjayakan Hari Sukan Negara 2021. Dalam majlis tersebut, Tan Sri Dato' Sri Haji Azam juga telah mengumumkan bahawa aktiviti dan program sukan boleh dilaksanakan oleh SPRM Bahagian dan Negeri pada setiap petang Jumaat atau setiap petang Khamis bagi Negeri Kelantan, Terengganu, Johor dan Kedah.

Majlis disemarakkan lagi dengan kehadiran Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, YBhg. Datuk Seri Norazlan bin Mohd Razali; Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan dan Profesionalisme) SPRM, YBhg. Dato' Junipah binti Wandu; Pengarah MACA, YBhg. Dato' Hj Idris bin Zaharudin serta Pengarah-pengarah Bahagian SPRM.





## Majlis Penganugerahan Pingat SPRM

Buat julung-julung kalinya, Unit Protokol dan Istiadat SPRM (UPIS) telah menganjurkan Majlis Penganugerahan Pingat SPRM kepada 447 pegawai dan kakitangan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Pingat-pingat tersebut telah disampaikan oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM, YBhg. Tan Sri Dato' Sri Haji Azam bin Baki bersempena dengan Ulang Tahun BPR/SPRM ke-54 bagi tahun 2021 pada 1 November 2021 bertempat di Ibu Pejabat SPRM, Putrajaya.

Pingat Khidmat Setia merupakan pingat dalaman SPRM yang telah digariskan dalam Perintah Tetap Bilangan 1 Tahun 2012 dan telah dimurnikan semula melalui Arahan Ketua Pesuruhjaya Bilangan 5 Tahun 2021 (Pengurusan Pencalonan Pingat-pingat SPRM).

Pegawai SPRM yang menerima anugerah ini akan menerima pingat (medal) dan layak untuk memakai bar perkhidmatan pada pakaian seragam SPRM.



# Pingat Khidmat Setia

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia



Pingat Khidmat Setia 15 Tahun



Pingat Khidmat Setia 20 Tahun



Pingat Khidmat Setia 25 Tahun



Pingat Khidmat Setia 30 Tahun

## **KSU dan SUKN Adalah “Integrity Champion”**

Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) telah mengorak selangkah ke hadapan dengan penganjuran program e-seminar bertajuk “*You Are an Integrity Champion*” khusus untuk Ketua Setiausaha (KSU) serta Setiausaha Kerajaan Negeri (SUKN) yang berlangsung secara maya pada 25 Mac 2021 melalui Aplikasi Zoom.

Ketua Setiausaha Negara (KSN), YBhg. Tan Sri Mohd Zuki bin Ali merupakan panel jemputan dalam Sidang Planeri tersebut yang membincangkan tentang integriti dalam penyampaian perkhidmatan serta dasar-dasar kerajaan yang berkesan. Di samping itu, seramai 27 orang KSU dan 13 orang SUKN serta wakil turut menyertai e-seminar tersebut.

Turut hadir menghangatkan sesi perbincangan ialah Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), YBhg. Tan Sri Mohd Khairul Adib bin Abd Rahman, manakala Ketua Pesuruhjaya SPRM, YBhg. Tan Sri Dato’ Sri Haji Azam bin Baki bertindak sebagai moderator.

Terdahulu, Pengarah Kanan Bahagian Siasatan SPRM, YBhg. Datuk Seri Norazlan bin Mohd Razali telah membuat pembentangan Kerangka Perundangan/Penguatkuasaan Undang-undang dan diikuti oleh Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, YBhg. Dato’ Sri Shamshun Baharin bin Mohd Jamil dengan pembentangan Kerangka Pengurusan Integriti pada sesi sebelah pagi.



## Perkongsian Ilmu MACA

Pusat Akademik, Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) buat julung kalinya telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan Siri Perkongsian Ilmu berdasarkan saranan Ketua Pesuruhjaya SPRM, YBhg. Tan Sri Dato' Sri Haji Azam bin Baki semasa Mesyuarat Pengarah-Pengarah Bil. 1 Tahun 2021 yang lalu.

Program berkala yang dirangka sepanjang tahun 2021 ini dilaksanakan sepenuhnya secara maya menggunakan Aplikasi Zoom serta rakaman video. Program ini diadakan bertujuan untuk menyalurkan maklumat dan pengetahuan terkini kepada pegawai SPRM secara berterusan. Di samping itu, pihak urusetia program turut melaksanakan penilaian impak program melalui kaedah pengisian borang secara dalam talian.

Berdasarkan maklum balas melalui beberapa siri perkongsian ilmu yang telah dilaksanakan. Ternyata ianya mendapat sambutan hangat dengan penyertaan seramai 50 hingga 100 peserta dalam kalangan warga SPRM seluruh Malaysia pada setiap sesi.



## Perkongsian Ilmu MACA (PIM)

SIRI 1

*Financial Intelligence / 06-07 April 2021*

SIRI 2

*Islamic Social Finance Including Waqaf Ecosystem / 21 Mei 2021*

SIRI 3

*Polemik Nilai Kendiri / 21 Jun 2021*

SIRI 4

*Kaedah Perang Saraf Dalam Penyiasatan dan Pencegahan / 27 Julai 2021*

SIRI 5

*Initiative Driven Intelligence And Investigation Of Customs Fraud / 14 September 2021*

SIRI 6

*Issues Faced by Law Enforcement in Investigating Financial Crimes With Complex Offshore Structures / 30 November 2021*

## Pegawai Kadet SPRM Lantikan Baharu Lapor Diri

Seramai 50 calon yang ditawarkan jawatan sebagai Penolong Penguasa SPRM Gred P29 telah melaporkan diri dalam Kursus Asas Pegawai SPRM Siri 25 Bil 1/2021 pada 18 Februari 2021.

Proses pendaftaran dan lapor diri ini dikendalikan oleh pegawai dan Urusetia Pusat Latihan Asas, MACA mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ketat dalam tempoh pandemik Covid-19. Pegawai kadet terdiri daripada 38 lelaki dan 12 wanita.

Ujian air kencing turut dilaksanakan kepada pegawai kadet yang melaporkan diri dan semuanya adalah bebas daripada penyalahgunaan dadah. Pegawai kadet telah menjalani tempoh kuarantin di asrama MACA selama 14 hari mulai 18 Februari hingga 3 Mac 2021 dan menjalani kursus asas secara atas talian sepenuhnya sepanjang tempoh tersebut.





# ANTARABANGSA

# ANTARABANGSA

## Kunjungan Hormat Duta Uzbekistan

Pada 16 Mac 2021, Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) telah menerima kunjungan rasmi daripada Kedutaan Uzbekistan. Duta Uzbekistan, Tuan Yang Terutama (TYT) Ravshan Usmanov bersama seorang pegawai kedutaannya disambut oleh Pengarah MACA, YBhg. Dato' Hj. Idris bin Zaharudin kira-kira jam 11.00 pagi.

Lawatan ini adalah rentetan daripada pertemuan empat mata Duta Republik Uzbekistan dengan Ketua Pesuruhjaya SPRM, YBhg. Tan Sri Dato' Sri Azam bin Baki di Ibu Pejabat SPRM, Putrajaya pada 5 Ogos 2020 lalu yang mana beliau menyampaikan hasrat untuk berkolaborasi dan berkongsi peluang kepakaran dengan SPRM untuk memperkasakan akta berkaitan pencegahan rasuah di Uzbekistan.



Dalam pertemuan tersebut, Duta Uzbekistan telah menyatakan hasrat Akademi Pejabat Pendakwa Raya Republik Uzbekistan (AGPOU) untuk mengadakan kerjasama strategik dengan MACA dalam bidang pembangunan latihan. Satu sesi sidang video bakal diadakan di antara AGPOU dan MACA untuk membincangkan keperluan latihan yang bersesuaian sebagai permulaan jalinan tersebut.

Turut hadir dalam pertemuan ini ialah Timbalan Ketua Misi, Kedutaan Republik Uzbekistan, Mr. Suhrob Vaseev; Ketua Pusat Pengajian Antarabangsa MACA, P/PKPj Zakaria bin Taib serta pegawai-pegawai kanan MACA.





## MACA Sedia Jalin Kerjasama Dengan AGPOU

Pada 24 November 2021, delegasi MACA mengadakan kunjungan balas ke Kedutaan Uzbekistan di Malaysia yang diketuai oleh Pengarah MACA, YBhg. Dato' Hj Idris bin Zaharudin dan disambut oleh Duta Besar Uzbekistan di Malaysia, TYT. Rasvshan Usmanov.

Dalam sesi kunjungan tersebut, kedua-dua pihak telah merancang untuk menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) rentetan hasrat pihak Akademi Pejabat Pendakwa Raya Republik Uzbekistan (AGPOU) untuk mendapatkan khidmat dan kepakaran pihak MACA bagi menyediakan kursus-kursus seperti Siasatan Berasaskan Perisikan (IBI), Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) serta Pengubahan Hasil Rasuah dan Rasuah Berskala Besar menerusi sidang video secara langsung dengan pihak AGPOU.




## ***Grand Corruption and Laundering Corrupt Proceeds: Unearth the Unseen Hand and Disrupt the Untraceable Criminal Activities***

Kursus *Grand Corruption and Laundering Corrupt Proceeds: Unearth the Unseen Hand and Disrupt the Untraceable Criminal Activities* telah dilaksanakan pada 20 hingga 21 Oktober 2021 dan disertai oleh pegawai-pegawai dari Australian Transaction Reports and Analysis Centre (AUSTRAC), Australia; Anti-Corruption Commission of Maldives serta pegawai-pegawai SPRM.

Program latihan secara dalam talian anjuran Pusat Pengajian Antarabangsa MACA dengan kerjasama Bahagian Pencegahan Pengubahan Wang Haram (AML), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) ini memfokuskan topik undang-undang dan jenayah pengubahan wang haram antarabangsa di Malaysia serta kerjasama antarabangsa. Secara keseluruhan, kursus ini telah memberi manfaat dan membantu peserta dalam melaksanakan tugas terutamanya berkaitan jenayah pengubahan wang haram dan cara membanterasnya berdasarkan kaedah yang dilakukan oleh SPRM dalam kes-kes berprofil tinggi sebelum ini.

Pengarah Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA), YBhg. Dato' Hj Idris bin Zaharudin telah berbesar hati menyempurnakan Majlis Penutupan pada hari terakhir kursus. Turut hadir menyerikan majlis ialah Ketua Pusat Pengajian Antarabangsa, PKPj Zakaria bin Taib.




## Intelligence Based Investigation (IBI)

Pada 12 hingga 14 Oktober 2021, Pusat Pengajian Antarabangsa, MACA dengan kerjasama Bahagian Perisikan SPRM telah menganjurkan Kursus *Intelligence Based Investigation (IBI)*. Kursus selama 3 hari secara maya ini disertai oleh 12 peserta yang terdiri daripada pegawai Anti-Corruption Commission of Maldives dan juga pegawai-pegawai daripada Bahagian Perisikan, SPRM.

Para peserta didedahkan dengan latar belakang dan konsep bagi menjalankan proses siasatan berasaskan perisikan yang menyentuh tentang pengenalan IBI, pemberi maklumat dan maklumat yang berkualiti, pendekatan analitik dan penyamaran serta kajian kes yang pernah dikendalikan oleh Bahagian Perisikan SPRM sebelum ini.

Kursus ini juga turut melibatkan sesi perkongsian kepakaran di antara pegawai-pegawai Perisikan SPRM dan pegawai risikan daripada Maldives. Majlis Perasmian kursus telah disempurnakan oleh Pengarah Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA), YBhg. Dato' Haji Idris bin Zaharudin.



## ***Executive Certificate Course for Strategic Management of Anti-Corruption Programme (MTCP)***


Satu kursus di bawah tajaan *Malaysian Technical Cooperation Programme (MTCP)* telah dianjurkan oleh Pusat Pengajian Antarabangsa, Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) pada 12 hingga 16 Julai 2021 selama 5 hari melalui pembelajaran secara dalam talian.

Tujuan utama program MTCP dilaksanakan adalah untuk berkongsi pengalaman dan kepakaran serta memberi bantuan dalam bidang teknikal kepada negara-negara membangun selaras dengan komitmen negara terhadap kerjasama Selatan-Selatan. Sehingga kini, lebih 34,000 peserta dari negara penerima telah mendapat pelbagai manfaat dari kursus-kursus MTCP yang dianjurkan oleh institusi-institusi latihan yang bertaraf antarabangsa di Malaysia.

Seramai 29 orang pegawai agensi pencegahan rasuah dari 13 negara iaitu Bhutan, Filipina, Ukraine, Vietnam, Maldives, Sierra Leone, Mauritius, Kyrgyzstan, Republic of Azerbaijan, Brazil, Timor-Leste, Saint Kitts and Nevis dan Uzbekistan telah menghadiri kursus tersebut.

Sepanjang kursus berlangsung, para peserta didedahkan dengan elemen yang efektif dalam melaksanakan aktiviti pencegahan rasuah merangkumi bidang siasatan, perisikan, pendakwaan dan pencegahan sebagai panduan kepada peserta untuk menjalankan tugas.

Kursus ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Hj Idris bin Zaharudin, Pengarah Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) dan turut disertai oleh Penolong Setiausaha Bahagian Kerjasama dan Pembangunan Antarabangsa (ICADD), Kementerian Luar Negeri (KLN), Puan Nur'Amirah binti Mohamad dan Ketua Pusat Pengajian Antarabangsa, MACA PKPj Zakaria bin Taib.





**AKADEMIK**

# AKADEMIK

## Kursus Asas Pegawai SPRM Siri 25 Bil.1/2021

Perjalanan Kursus Asas Pegawai SPRM bermula sejourus pegawai kadet melaporkan diri ke MACA pada 18 Februari 2021 dan terpaksa menjalani kuarantin selama 14 hari sehingga 3 Mac 2021. Dalam tempoh tersebut, sesi pengenalan kepada Kursus Asas dilaksanakan secara dalam talian sepenuhnya sehingga tamat tempoh kuarantin dan mula menjalani kursus latihan asas mengikut jadual yang telah disusun rapi selama 9 bulan.

Kursus Asas amat penting untuk dilaksanakan bagi memberi pengetahuan asas mengenai tugas dan tanggungjawab sebagai Pegawai SPRM melalui Modul Siasatan, Modul Perisikan, Modul Perundangan dan Pendakwaan, Modul Program Transformasi Minda dan Latihan Praktikal (On Job Training).

Kursus ini terbahagi kepada 2 Fasa iaitu Fasa 1 : Program Pembelajaran Akademik (Teori & Praktikal) dan Fasa 2 : Pengukuhan dan Penilaian (Aplikasi dan Penilaian) termasuklah Majlis Perbarisan Tamat Latihan.



## Kursus Peralihan Siri 6 Tahun 2021 (Penguasa Gred P42)

Kursus Peralihan merupakan kursus persediaan kepada Pegawai SPRM yang telah menerima kenaikan pangkat daripada Kumpulan Sokongan kepada Kumpulan Pengurusan dan Profesional. Kursus yang dijalankan mulai 27 September 2021 menggunakan 2 kaedah iaitu secara maya (*e-Learning*) bagi Fasa 1 dan secara bersemuka bagi Fasa 2.

Kursus ini memberi pendedahan awal tentang tugas dan tanggungjawab sebagai Pegawai Penyelia dalam sektor Operasi, Pencegahan dan Sumber Manusia di SPRM.

The screenshot displays a Zoom meeting interface. The main window shows a PowerPoint slide titled "TANGGUNGJAWAB DAN PERAN DALAM MEMANTAU". The slide content includes a bulleted list of responsibilities:


- PEMANTAUAN LAPORAN MTI HARIAN DAN MINGGUAN
- KERTAS SIASATAN TAHUN SEMASA
- KERTAS SIASATAN DALAM TINDAKAN/ARAHAN LANJUT
- KERTAS SIASATAN PERANCANGAN PERTUDUHAN YANG AKAN
- KS DALAM PERBICARAAN
- KS DALAM PERBICARAAN RAYUAN
- KS DALAM TINDAKAN KUS
- KPA DALAM TINDAKAN TAHUN SEMASA

The Zoom interface shows a grid of participants at the bottom, including names like "T. Luk Manuarty", "zoom5 masa", "Mohd Anwarudin", "Cyberia Akbar", "Ima's Sajura", "Dorbin SPRM K...", "ASMAWATI", "Mohd Yus...", "Mohd Ihsan bin...", "Mohd Idras...", "Francis", "Nurbana binti S...", "Christopher hoo...", "Nor Rafiqah L...", "Khairul Anis...", "nsinda", "Agussalim Bin A...", "Ng Pak Lee - SP...", "Rabb", "Mohd Azli Othm...", "Nugayah Rahn...", "Farek", "DYNO HASSIM", and "Norhaliza bin M...". The Zoom toolbar at the bottom includes options like "Unmute", "Start Video", "Participants", "Chat", "Share Screen", "Resume/Stop Recording", "Breakout Rooms", "Reactions", "Leave Room", "Recording...", and "End".

## Kursus Peralihan Pegawai Kontrak ke Jawatan Tetap

Selain pegawai dan kakitangan tetap, SPRM juga melaksanakan urusan pengambilan dan peralihan jawatan secara kontrak perkhidmatan berdasarkan keperluan tertakluk kepada kelulusan Pihak Berkuasa Melantik iaitu Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA). Terdapat juga pegawai kontrak yang telah diserap masuk ke jawatan tetap dan perlu menjalani Kursus Peralihan Pegawai Kontrak ke Jawatan Tetap SPRM yang dikendalikan oleh MACA. Objektif kursus ini adalah bertujuan untuk memberikan pengetahuan asas tentang tugas dan tanggungjawab sebagai Pegawai SPRM melalui Modul Siasatan, Perisikan, Perundangan dan Pendakwaan secara teori dan praktikal.

Kursus Peralihan tersebut telah dilaksanakan pada 18 Februari hingga 26 November 2021 untuk Fasa 1 - Program Akademik dan pada 29 November 2021 hingga 28 Mac 2022 bagi Fasa 2 – Program Pengukuhan dan Penilaian secara dalam talian menggunakan Aplikasi Zoom.





## Amanat Ketua Pesuruhjaya: Tetap Minda Terancang, Penentu Cemerlang

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Dato' Sri Haji Azam bin Baki mengingatkan pegawai kadet Penolong Penguasa P29 dan pegawai SPRM agar membuat perancangan dan tetapan minda yang tepat bagi mencapai visi cemerlang dalam kerjaya pada masa hadapan dalam sesi taklimat ringkas kepada pegawai kadet Penolong Penguasa P29 yang sedang menjalani latihan asas di Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) dan pengajian *Professional Diploma in International Law Enforcement: Anti-Corruption Studies (Level 5)* serta pegawai SPRM dalam perkhidmatan Gred 38 dan ke bawah yang sedang menyambung pengajian dalam Program Pengajian *Professional Diploma in International Anti-Corruption Studies (Level 5)* for in Service MACC Officer.



Selain menyeru pegawai kadet dan pegawai SPRM agar menjadi individu yang sentiasa berusaha gigih mencapai kejayaan tanpa titik noktah dengan mengenal pasti kekuatan dan kelemahan diri, beliau turut mengingatkan agar mereka sentiasa berusaha untuk meningkatkan ilmu pengetahuan, kemahiran dan pengalaman agar tampak lebih menyerlah, berketerampilan menarik dan profesional.

Sebagai pegawai SPRM, beliau menekankan betapa perlunya untuk mengenal diri dengan menoleh ke belakang dan mengimbuai pencapaian yang telah diperolehi BPR dan SPRM sehingga hari ini. Tidak dapat dinafikan, apa yang diperolehi dan dinikmati kini adalah hasil perancangan teliti warga SPRM terdahulu. Pegawai baru perlu belajar daripada sejarah agar dapat menyusun strategi dalam menghasilkan pelan strategik yang berimpak tinggi kepada SPRM. Kebersamaan dalam tindakan amat penting dalam menangani apa jua cabaran yang dihadapi.

Menurut beliau lagi, sesi pengajaran dan pembelajaran secara maya sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat pandemik Covid-19 yang terpaksa ditempuhi oleh pegawai kadet Penolong Penguasa P29 dan pegawai SPRM tidak boleh dijadikan alasan kegagalan membentuk imej diri sebagai pegawai SPRM yang berpengetahuan, berkualiti dan berintegriti. Program kerjasama SPRM dengan Nottingham Trent University, United Kingdom yang sedang diikuti oleh pegawai kadet dan pegawai SPRM merupakan suatu usaha untuk meningkatkan profesionalisme dan kualiti pegawai SPRM agar usaha menyebar luas mesej antirasuah sampai kepada masyarakat.




## Kursus Aplikasi Perakaunan Dalam Penyiasatan (*Advanced*) Secara Dalam Talian

Kursus Aplikasi Perakaunan dalam Penyiasatan dibangunkan bersama Bahagian Analisa Kewangan, Ibupejabat SPRM Putrajaya dalam usaha membentuk modul yang lebih kompleks komprehensif yang mana ianya disasarkan kepada pegawai-pegawai SPRM Gred P41 dan ke atas.

Kursus yang dianjurkan pada 17 hingga 19 Ogos 2021 secara bersemuka ini memberi pendedahan dalam aspek yang mengkhususkan kepada bidang penyiasatan perakaunan terutamanya untuk pegawai-pegawai SPRM yang berperanan sebagai Ketua Unit Siasatan, Pegawai Penyelia, Ketua Cawangan, Ketua Operasi Lapangan, Ketua Siasatan Negeri ataupun Timbalan Pengarah (Operasi) Negeri.

Seramai 25 peserta mempelajari kaedah mengaplikasi analisa harta berlebihan di bawah Seksyen 36 Akta SPRM 2009 dan analisa jejak kewangan '*financial trailing*' serta pengesanan harta jenayah '*criminal asset tracing*' untuk kes-kes kompleks. Selain itu, peserta juga diberi pendedahan untuk mengenalpasti hubungan '*beneficial ownership*' dalam siasatan terhadap rangkaian jenayah yang kompleks serta mengaplikasi kajian atau analisa dokumen kewangan bagi membantu dalam penyediaan keterangan untuk pembuktian siasatan kes predikat / perubahan wang haram.




## Kursus Isu-Isu Tangkapan dan Reman OKT (*Advanced*)

Kursus Isu-Isu Tangkapan dan Reman OKT (*Advanced*) dibangunkan bersama Bahagian Siasatan, Ibu Pejabat SPRM Putrajaya bertujuan untuk membentuk modul yang lebih fokus kepada Isu-Isu Salah Tahan dan Salah Tangkap yang mana jarang berlaku dalam kes-kes SPRM akan tetapi kritikal dalam proses kerja siasatan. Isu Salah Tahan dan Salah Tangkap seringkali berlaku dalam agensi penguatkuasa yang lain dan mengakibatkan isu besar dalam pelaksanaan proses tahanan dan tangkapan terhadap OKT dan mendedahkan jabatan kepada tindakan guaman sivil, liabiliti kerajaan, remedi dan ganti rugi.

Program latihan yang berlangsung secara maya pada 5 dan 6 Oktober 2021 melibatkan 33 peserta ini merangkumi perspektif daripada Jabatan Peguam Negara, mahkamah dan peguam yang mana dikongsikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Pesuruhjaya Kehakiman dan Peguambela.


Peserta berpeluang untuk mengenalpasti punca kes salah tahan dan salah tangkap melalui perspektif Jabatan Peguam Negara, mahkamah dan peguambela boleh mengetahui implikasi serta tindakan guaman sivil apabila terjadinya kes salah tahan dan salah tangkap. Peserta juga turut diberi pendedahan berkenaan prosedur terbaik dalam menyelesaikan kes salah tahan dan salah tangkap.



## Kursus Asas Siasatan Untuk Pegawai Integriti Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI)

Kursus Asas Siasatan Untuk Pegawai Unit Integriti Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) adalah anjuran bersama Unit Integriti MAFI dan Sekolah Penyiasatan dan Forensik, Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA). Kursus ini merupakan kursus 'customised' yang dipaten khas untuk 30 pegawai MAFI dan dilaksanakan pada 12 hingga 14 Oktober 2021 secara dalam talian.

Kursus ini telah meningkatkan pengetahuan dan kemahiran asas siasatan pegawai MAFI dengan perkongsian proses kerja yang terbaik dalam penyiasatan selain memberi percambahan idea dalam penyempurnaan kertas siasatan.



## Kursus *Fundamentals of Undercover Officer*

Kursus *Fundamentals of Undercover Officer* ini telah dijalankan secara bersemuka di Dewan Kuliah Pulau Pinang, MACA pada 22 hingga 26 Mac 2021. Seramai 17 pegawai dari Bahagian Perisikan SPRM telah menghadiri kursus ini.

Program latihan ini membuka ruang untuk mengenalpasti pegawai SPRM yang sesuai untuk dilantik sebagai pegawai perisik (*undercover*). Selain itu, ia juga memberi pendedahan kepada peserta untuk memahami konsep operasi perisikan dan peranan pegawai perisikan. Peserta turut diberikan latihan sewajarnya untuk menjadi pegawai '*undercover*' yang berkualiti bagi meningkatkan kualiti kes yang disiasat oleh pegawai SPRM.



## Kursus Isu dan Cabaran Pengintegrasian Teknologi (Alat Teknikal Dalam Kaedah Perisikan)

Kursus Isu dan Cabaran Pengintegrasian Teknologi (Alat Teknikal Dalam Kaedah Perisikan) telah diadakan pada 28 dan 29 September 2021 secara maya menggunakan Aplikasi Zoom. Kursus ini telah disertai oleh 93 peserta yang terdiri daripada pegawai SPRM seluruh Malaysia.

Objektif kursus ini adalah untuk memberi pendedahan kepada pegawai SPRM berkaitan kesesuaian alat teknikal dalam melaksanakan operasi. Peserta juga diberi pendedahan untuk mengenalpasti isu dan cabaran dalam pengendalian alat teknikal serta berpeluang menimba pengetahuan tentang penggunaan alat teknikal terkini yang lebih efisien.



## Kursus Teknik Profiling Dari Perspektif Agensi Luar

Kursus Teknik Profiling Dari Perspektif Agensi Luar ini telah dijalankan secara dalam talian menggunakan Aplikasi Zoom pada 16 hingga 19 Februari 2021. Kursus ini telah dihadiri 117 pegawai SPRM dari seluruh Malaysia.

Seramai 10 orang penceramah terlibat dalam menjayakan kursus ini yang terdiri daripada Pegawai Kanan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Bahagian Perisikan SPRM dan konsultan swasta daripada syarikat Graymatter Forensic Advisory.

Peserta dapat meningkatkan pengetahuan terhadap profiling dalam kes yang disiasat melalui pendedahan kaedah profiling yang dijalankan oleh agensi luar. Kursus ini juga dapat melatih peserta dalam menghasilkan keputusan profiling yang berkualiti, sekaligus meningkatkan kualiti kes yang disiasat serta meningkatkan sabitan kes mahkamah dengan menunjukkan kaitan kes dengan mengaplikasikan profiling dengan baik.



## Program Latihan Undang-Undang Perlindungan Pemberi Maklumat dan Perlindungan Saksi

Kursus Undang-Undang Perlindungan Pemberi Maklumat Dan Perlindungan Saksi adalah merupakan kursus anjuran Sekolah Perundangan dan Pendakwaan, Pusat Akademik MACA yang bertujuan untuk melatih pegawai-pegawai sedia ada agar lebih mahir dan cekap dalam mengendalikan, mengurus dan memastikan perlindungan pemberi maklumat dan saksi dapat dilaksanakan mengikut undang-undang. Ia dilaksanakan pada 6 hingga 8 April 2021 secara maya.

Dalam program latihan tersebut, peserta dapat meningkatkan pengetahuan tentang teknik melindungi saksi-saksi penting dalam kes-kes berprofil tinggi agar pertuduhan dapat disabitkan di mahkamah serta teknik menjaga keselamatan dan mendapatkan kerjasama daripada pemberi maklumat dan saksi-saksi utama SPRM. Ia juga memberi pendedahan terhadap akta-akta yang berkait secara langsung dengan tugas-tugas pegawai SPRM.

## Pengurusan Kes Pendakwaan Berkesan - Peranan Pegawai Penyiasat

Pada 17 hingga 18 Ogos 2021, Kursus Pengurusan Kes Pendakwaan Berkesan - Peranan Pegawai Penyiasat telah dilaksanakan secara dalam talian dengan penyertaan seramai 35 peserta. Kursus ini membolehkan peserta mentakrif dan merumuskan prosedur terkini perbicaraan kes rasuah di mahkamah, mentafsir peranan dan tanggungjawab Pegawai Penyiasat Kes dalam menguruskan saksi-saksi dan barang-barang kes serta kaedah terbaik dalam memberi keterangan berkesan di mahkamah.

Di samping itu, peserta juga mempelajari kaedah untuk mentakrif dan membuat rumusan peranan Pegawai Penyiasat Kes dalam "*Case Management & Pre-Trial Conference*" dari aspek penyerahan dokumen sebelum perbicaraan, rundingan akuan dan '*victim impact statement*' serta isu-isu semasa, cabaran dan halangan dalam tugas.






## Kursus Pendakwaan Melibatkan Kes-Kes Autoriti Terkini Bagi Kesalahan Utama Akta SPRM 2009 dan Kanun Kesenkasan

Kursus Pendakwaan Melibatkan Kes-Kes Autoriti Terkini Bagi Kesalahan Utama Akta SPRM 2009 Dan Kanun Kesenkasan anjuran Sekolah Perundangan dan Pendakwaan MACA telah diadakan pada 21 dan 22 September 2021 juga secara dalam talian menggunakan aplikasi Zoom.

Peserta mempelajari teknik-teknik untuk menghuraikan peranan dan tanggungjawab Timbalan Pendakwa Raya dan Pegawai Pendakwa SPRM dalam pengurusan pendakwaan kes rasuah dalam aspek penelitian kertas siasatan, pertuduhan dan fakta kes, keperluan pembuktian bagi pendakwaan kes rasuah, kerelevanan serta beban membuktikan. Latih amal turut dilaksanakan bagi memberi lebih kefahaman kepada peserta.



## MACA English Proficiency for In-Service (MEPis) and New Cadets (MEP)

Pusat Bahasa dengan kerjasama Pusat Latihan Asas MACA telah menjalankan program penguasaan bahasa atau *English Proficiency* selama 3 minggu untuk peserta Program Pengajian *Professional Diploma in International Law Enforcement: Anti-Corruption Studies (Level 5)* dan *Professional Diploma in International Law Enforcement: Anti-Corruption Studies (Level 5) (Blended) for In-Service Officer*.

Program MEPis dilaksanakan secara dalam talian pada setiap petang, manakala program MEP dilaksanakan secara bersemuka (*Cluster Bubble*) 6 jam setiap pagi dengan 2 jam aktiviti dalam talian ditetapkan setiap petang dari 15 Mac hingga 2 April 2021.

Modul ini direka khas untuk meningkatkan tahap penguasaan Bahasa Inggeris serta meningkatkan keyakinan bahasa para peserta.



## Master English: Speak Like a Pro

Program *Master English: Speak Like a Pro* telah dijalankan dalam talian dari 5 hingga 7 Julai 2021. Kursus ini bertujuan untuk membantu para peserta bertutur dengan lebih yakin dalam Bahasa Inggeris yang akhirnya akan membantu meningkatkan prestasi kerja dan kemahiran komunikasi mereka.

Seramai 32 Ketua Unit Integriti atau Ketua Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) telah menyertai program ini secara maya. Antara aktiviti yang dijalankan untuk menggalakkan komunikasi atau pengucapan awam ialah *Tongue Twisters* serta pembentangan dan simulasi.

The image shows a Zoom meeting interface. The main window displays a Quizizz quiz with the following questions and results:

| Question                                      | Options  | Participants  | Percentage              |
|---|--|---------------|-------------------------|
| 23. I ... to the doctor's before I came home. | had gone, went, have gone, will go, Unattempted        | 2, 3, 1, 1, 1 | 25%, 33%, 13%, 13%, 13% |
| 24. I ... English since 2013.                 | have studied, studied, study, am studying, Unattempted | 1, 2, 1, 3, 1 | 13%, 25%, 13%, 33%, 13% |
| 25. Most of the teachers have left already.   | present perfect, past perfect                          | 0, 0          | 0%, 0%                  |

Below the quiz, a presentation slide titled "Vowel Lengthening" is shown. It lists pairs of words with their corresponding vowel sounds:

- Lick-league
- Lived-lift
- Lock-log
- Tab-tap
- Lake-leg
- Save-safe
- Feet-feed
- Knees-niece (neeZ vs neeS)
- Lice-lies (laiS laiZ)
- Plays-place
- Proof-prove
- Belief-believe
- Excuse (n)-excuse (v)

At the bottom of the slide, it says: "\*\*Voiced" consonants /g,d,b,z,v/

The Zoom interface also shows a video player at the bottom with a progress bar at 02:11:54 / 02:18:49 and a speed control button. On the right side, there are several video thumbnails of participants.

## Power Gramm

Power Gramm ialah program dalam talian yang dianjurkan selama 4 hari bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan peserta mengenai penggunaan tatabahasa Bahasa Inggeris. Latihan yang dijalankan pada 5 hingga 8 April 2021 dan melibatkan seramai 46 peserta gred 29 hingga gred 44 ini menggabungkan banyak aktiviti dan latihan yang menarik.

Tugasan demi tugasan telah diberikan kepada para peserta untuk menambah baik pengetahuan mereka tentang penggunaan tatabahasa Bahasa Inggeris yang sekaligus akan meningkatkan penguasaan bahasa mereka bagi mempamerkan prestasi kerja yang lebih baik selain menggalakkan pembelajaran secara berterusan.



## Kursus Language Boost: English for SMEs

Kursus Language Boost: Bahasa Inggeris SMEs ialah kursus yang memenuhi keperluan *Subject Matter Experts* (SME) bertujuan untuk meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris pegawai-pegawai SME.

Memandangkan masih terdapat kebimbangan berhubung pandemik Covid-19, kursus ini dijalankan secara dalam talian dari 27 hingga 29 Julai 2021. Sepanjang kursus ini, 15 jurulatih SPRM dari pelbagai jabatan dan bahagian telah diperkenalkan dengan kaedah pengajaran secara maya.



## ELAI : ThursDate Chat!

Bahasa Inggeris merupakan bahasa antarabangsa yang digunakan dalam urusan perniagaan, pekerjaan dan aktiviti santai. MACA Language Centre (MLC) telah melaksanakan inisiatif untuk menggalakkan warga SPRM berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris melalui program *English Language Awareness Initiative (ELAI): ThursDate Chat!* yang menggunakan aplikasi Zoom pada setiap Khamis jam 9.30 pagi hingga 10.00 pagi mulai 16 Disember 2021. Program tersebut telah mendapat sokongan dan galakan sepatutnya daripada Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Dato' Sri Haji Azam bin Baki. Beliau turut merasmikan program tersebut secara dalam talian.

Program ini memberi ruang, peluang dan galakan kepada warga SPRM untuk berinteraksi dalam Bahasa Inggeris secara langsung selama 30 minit. Program tersebut dihoskan oleh tenaga pengajar MLC, PsK (K) Wan Narmi Aziana binti Wan Abdullah dan PsK (K) Arlina Zura binti Zuber dan diserikan dengan kehadiran tetamu-tetamu jemputan yang diundang khas mengikut topik perbincangan mingguan.



## Pelan Pengurusan Risiko Rasuah

1. Pengurusan risiko rasuah
2. Alat Pengukuran Pengurusan Risiko
3. Punca-punca bertaku rasuah
- 4.
- 5.
- 6.





**INTEGRITI**

# INTEGRITI

## CeIO SUK Negeri Perak Tekad Tingkatkan Integriti

Pusat Pembangunan Integriti Korporat, Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) telah menganjurkan Program Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) khusus untuk Setiausaha Kerajaan Negeri Perak. Program yang dilaksanakan selama 22 hari mulai 4 April hingga 15 Jun 2021 ini bertujuan untuk memantapkan pengurusan integriti dalam sesebuah organisasi. Peserta perlu melaksanakan tugas berbentuk penyediaan projek video integriti dan diakhiri dengan Seminar Kelestarian Integriti.

Dalam ucapan Majlis Perasmian Penutup yang dirasmikan oleh YAB. Menteri Besar Perak, YBhg. Dato' Saarani bin Mohamad pada 29 Jun 2021, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan dan Profesionalisme) SPRM, YBhg. Dato' Junipah binti Wandu telah mengingatkan peserta agar menjalankan tugas dengan cemerlang dan penuh berintegriti sebagai pemimpin contoh yang akan menjadi perhatian dan ikutan dalam organisasi.

## Seminar Kelestarian Integriti

Seperti kebiasaannya, Seminar Kelestarian Integriti dilaksanakan sebagai modul akhir Program CeIO. Kali ini, topik "SOP Perintah Kawalan Pergerakan (PKP): Berintegritikah kita?" dipilih dengan dibarisi oleh panel-panel terkenal iaitu Ketua Polis Negeri Perak, Dato' Pahlawan Mior Faridalathash bin Wahid; Timbalan Mufti Negeri Perak, Sahibus Samahah Dato' Haji Zamri bin Hashim; Pengarah Keselamatan Negeri, Majlis Keselamatan Negara Negeri Perak, Tuan Khairul Ridzuan bin Hj Mat Said dan Pakar Perubatan Kesihatan, Jabatan Kesihatan Negeri Perak, Dr. Mohd Zamri bin Md Ali. Peserta CeIO Siri 27, Tuan Meor Shahibul Fadilah bin Zainuddin pula bertindak sebagai moderator.





## CeIO SUK Negeri Melaka Azam Pupuk Budaya Kerja Cemerlang

Program Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) turut dilaksanakan bersama Pejabat SUK Negeri Melaka mulai 10 Ogos hingga 28 September 2021. Seramai 39 peserta telah berjaya ditauliahkan sebagai Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) dalam kalangan warga SUK Negeri Melaka pada 28 September 2021.

Majlis Perasmian Penutup Program CeIO SUK Negeri Melaka telah dirasmikan oleh Ketua Menteri Melaka, YAB. Datuk Seri Utama Haji Sulaiman bin Md Ali dan dipancarkan secara langsung melalui Facebook live Kerajaan Negeri Melaka dan Facebook live Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA).

### Seminar Kelestarian Integriti

Sebelum itu, Seminar Kelestarian Integriti bertajuk "Pasca Pandemik: Memelihara Integriti" telah diadakan dan membariskan panel-panel tersohor iaitu Mufti Negeri Melaka, Sahibul Samahah Datuk Wira Haji Abdul Halim bin Tawil; Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri Melaka (Kesihatan Awam), Dr. Rusdi bin Abd Rahman; Penceramah Bebas, Dr. Jasmin bin Ahmad dan Encik Fadzli bin Aziz serta dikemudi oleh Encik Mohd Rizalman bin Syed, peserta CeIO Siri 28 yang bertindak sebagai moderator.

The image is a screenshot of a Facebook live broadcast. The top section displays the event details for the 'Seminar Kelestarian Integriti' (Integrity Sustainability Seminar). The event is part of the 'PROGRAM PEGAWAI INTEGRITI BERTAULIAH (CeIO) NEGERI MELAKA SIRI 28 BIL. 3 TAHUN 2021' and is titled 'Pasca Pandemik : Memelihara Integriti'. It is scheduled for 28 September 2021 at 9:00 AM. The panel of speakers includes Mufti Negeri Melaka, Sahibul Samahah Datuk Wira Haji Abdul Halim bin Tawil; Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri Melaka (Kesihatan Awam), Dr. Rusdi bin Abd Rahman; Penceramah Bebas, Dr. Jasmin bin Ahmad; and Encik Fadzli bin Aziz, moderated by Encik Mohd Rizalman bin Syed. The bottom section shows a close-up of YAB Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Bin Md Ali, the Chief Minister of Melaka, speaking during the event. The video is live and has 400 viewers.

## CeIO Sektor Awam Siri 26 Bilangan 1/2021

Menganjurkan program Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) secara dalam talian sepenuhnya buat pertama kalinya bukanlah sesuatu yang mustahil. Rentetan pandemik Covid-19 yang melanda dunia, program CeIO Sektor Awam Siri 26 Bilangan 1/2021 turut dilaksanakan secara maya. Selain itu, Projek Pemantapan Integriti atau *Enhancing Integrity Project (EIP)* pula digantikan dengan projek penghasilan video iaitu *Integrity Awareness Campaign Video*.

Pada 6 April 2021, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, YBhg. Dato' Sri Shamshun Baharin bin Mohd Jamil telah merasmikan Majlis Perasmian Penutup CeIO Sektor Awam Siri 26 bertempat di pejabat RISDA, Kuala Lumpur. Program CeIO kali ini telah berjaya melatih dan mentauliahkan seramai 68 peserta sebagai CeIO daripada pelbagai agensi awam.

Sebelum Majlis Perasmian Penutup, Seminar Kelestarian Integriti bertajuk 'Cabaran Integriti Norma Baharu – Penawaran Perkhidmatan Telus dan Berintegriti' telah diadakan pada sebelah paginya yang menampilkan panel-panel tersohor antaranya Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Seri Hj. Suhaime bin Mahbar.



## Majlis Penyampaian Sijil Perlanjutan Pentauliahan Pegawai Integriti Bertauliah

Pada 28 April 2021, Majlis Penyampaian Sijil Perlanjutan Pentauliahan Persatuan Pegawai Integriti Bertauliah telah dianjurkan di Ibu Pejabat SPRM, Putrajaya.

Sijil disampaikan kepada Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) oleh Timbalan Ketua Pesuruhjaya, YBhg. Dato' Junipah binti Wandi serta diiringi oleh Pengarah MACA, YBhg. Dato' Hj Idris bin Zaharudin dan Presiden Persatuan Pegawai Integriti Bertauliah Malaysia (ACeIO), KPKPj Ahmad Sabri Bin Mohamed.



## Siri Pengurusan Risiko Rasuah Bagi Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP)

Pada tahun 2021, sebanyak 13 siri program latihan Pengurusan Risiko Rasuah Bagi Pembangunan Pelan Anti Rasuah Organisasi telah dilaksanakan secara dalam talian. Program ini melibatkan 53 organisasi dan jabatan dari seluruh negara dengan 277 orang penyertaan.

Kursus ini dilaksana bertujuan untuk memberikan pendedahan dan pemahaman kepada peserta tentang keperluan menyediakan, membangunkan dan melaksanakan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP). Penekanan diberikan kepada Proses Pembangunan OACP yang meliputi beberapa tajuk iaitu Pembentukan Jawatankuasa dan Analisis Data, Pelaksanaan Perancangan Senario Rasuah, Pelan Tindakan dan Kaedah Monitoring and Evaluation (M&E) serta Penyediaan Kerangka OACP.

**PELAN ANTIRASUAH NASIONAL / NATIONAL ANTI-CORRUPTION PLAN (NACP)**

**PELAN ANTIRASUAH NASIONAL 2019-2023**

- Dasar dan polisi **pencegahan rasuah** negara.
- Memberi fokus kepada elemen **governans, integriti dan antirasuah** dalam sistem pentadbiran kerajaan.


Zoom Meeting | You are viewing Salwa Binti Muhsen's screen | View Options | Recording... | 20 Participants | Unmute | Stop Video | Security | Polls | Chat | Share Screen | Pause/Stop Recording | Breakout Rooms | Reactions | End

## **Legal Requirements Complementing to MS ISO 37001:2016 Anti-Bribery Management System (ABMS) – for Certification Body” Siri 1 Tahun 2021**

Jabatan Standard Malaysia (JSM) telah memperkenalkan satu sistem pengurusan piawaian MS:ISO 37001:2016 Anti-Bribery Management System (ABMS) mulai tahun 2017 bertujuan meningkatkan usaha mencegah rasuah oleh organisasi dan entiti perniagaan.

SPRM sebagai Pemilik Skim untuk latihan *Certification Body (CB)* telah meletakkan dua keperluan bagi *Certification Body (CB)* untuk diiktiraf oleh JSM. Salah satu keperluan tersebut adalah CB dikehendaki untuk menghadiri satu kursus berkenaan undang-undang pencegahan rasuah dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sekiranya mereka ingin mendaftarkan akreditasi dengan JSM.

Pada 6 hingga 9 September 2021, Pusat Pematuhan Anti Rasuah Korporat, MACA telah melaksanakan program latihan *Legal Requirements Complementing to MS ISO 37001:2016 Anti-Bribery Management System (ABMS) – For Certification Body” Siri 1 Tahun 2021* secara dalam talian yang melibatkan 35 orang juruaudit daripada pelbagai badan pensijilan swasta.



## Pembangunan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM)

Pandemik COVID-19 yang sedang melanda negara bukanlah penghalang kepada Pusat Pematuhan Anti Rasuah Korporat, MACA untuk melaksanakan 8 siri program latihan Pembangunan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) sepanjang tahun 2021.

Program latihan telah diadakan secara dalam talian yang melibatkan organisasi dan jabatan dari seluruh negara dengan penglibatan seramai 196 orang peserta.

Modul CRM ini juga dilaksanakan secara *Training of Trainers (TOT)* yang mana di akhir program, peserta boleh membangunkan sendiri kerangka CRM mengikut keperluan kementerian, jabatan atau agensi masing-masing.

Tenaga pengajar CRM terdiri daripada Pegawai Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan, Ibu Pejabat SPRM serta pegawai daripada Unit Pemeriksaan dan Perundingan SPRM seluruh negeri.

The screenshot shows a Zoom meeting interface with a grid of participants. A slide titled "DAFTAR RISIKO" (Risk Register) is shared, detailing controls and risk assessments for CRM 02.

| DAFTAR RISIKO  |  | CRM 02  |
|--|--|---|
| <p><b>Kawalan Sedia Ada (Existing control)</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>No Gift Policy [1,3]</li> <li>Employee Handbook (code of ethics) [1,2]</li> <li>Establishment of Integrity &amp; Gov. Unit as enforcer of compliance [4,5]</li> <li>Integrity awareness regularly conducted in-house [1]</li> <li>Procurement Procedures [6]</li> <li>Quotation &amp; Tender policy &amp; procedures [6]</li> <li>Integrity hotlines [1,6]</li> <li>Disciplinary Board to discharge the punitive actions against offender [2]</li> </ol> | <p><b>Kawalan Tambahan/Pelan Tindakan dan TOR</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Create integrity awareness campaign for internal/external parties (customer/contractor/supplier etc.) [TOR 3,4]</li> <li>Strengthen punitive and disciplinary action(s) [TOR 6]</li> <li>Policy enhancement to deal with employees who involves in malpractices [TOR 1,6]</li> <li>Integrity declaration/pledge to be established. [TOR 3]</li> <li>Product training and knowledge improvements to be regularly conducted. [TOR 3]</li> </ol> |   |
| <p><b>Keberkesanan Kawalan Sedia Ada (Ctrl effectiveness)</b></p> <p>got weaknesses</p>  |  |   |
| <p><b>Impak (Impact)</b></p> <p>major</p>  | <p><b>Kebarangkalian (likelihood)</b></p> <p>moderate</p>  | <p><b>Baki tahap risiko (residual risk)</b></p> <p>high</p> |

**PELAKSANAAN DAN PENCAPAIAN PROGRAM LATIHAN  
OACP, ABMS, CRM DAN SEKSYEN 17A AKTA SPRM 2021**

**Bilangan Penyertaan Program Latihan Pembangunan  
Pelan Anti-Rasuah Organisasi (OACP) Tahun 2021**




**13**

**Siri Kursus**

**Bilangan Penyertaan Program Latihan Pengurusan  
Risiko Rasuah (CRM) Tahun 2021**



Bilangan Penyertaan Program Latihan  
Legal Requirement Complementing  
to MS ISO 37001:2016 (Anti-Bribery Management System)  
For Certification Body - Siri 1 Tahun 2021



Bilangan Penyertaan Program Latihan  
Seksyen 17A Akta SPRM Tahun 2021







# MODAL INSAN

# MODAL INSAN

## Majlis Tamat Latihan Kursus Asas Pegawai SPRM Terlaksana Dalam Suasana Pandemik

Setelah terikat dengan Prosedur Operasi Standard (SOP) Pandemik Covid-19 yang ketat, akhirnya SPRM berjaya menganjurkan Majlis Tamat Latihan Kursus Asas Pegawai SPRM pada 11 Oktober 2021 untuk 56 Pegawai Kadet berjawatan Penguasa gred P41 dan 51 Pegawai SPRM yang menerima kenaikan pangkat daripada Kumpulan Sokongan kepada Kumpulan Pengurusan dan Profesional berjawatan Penguasa gred P42.

Kursus Asas Pegawai SPRM Siri 24 Bilangan 1 tahun 2019 (Penguasa P41) merupakan perintis kepada Program Akreditasi Kursus Asas SPRM dan pengajian *Post Graduate Diploma in International Law Enforcement: Anti-Corruption Leadership (Level 7)* untuk tempoh sembilan bulan hari bekerja, menyaksikan kolaborasi di antara SPRM dan Nottingham Trent University (NTU), United Kingdom.

Dalam majlis tersebut, Ps Nur Athikah Aziz telah dinobatkan sebagai penerima Anugerah Terbaik Keseluruhan bagi Kadet Siri 24 Bilangan 1 Tahun 2019 (Penguasa P41). Ps Nur Sabrina Ali pula menyandang Anugerah Terbaik Akademik, manakala Ps Khairul Anuwar Kamarul Zaman menerima Anugerah Terbaik Latihan Luar. Sementara itu, hadirin turut berkesempatan meraikan Majlis Pelancaran Video Korporat Baharu MACA sejurus selesai Majlis Tamat Latihan.

Turut hadir menyerikan majlis ialah Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Dato' Sri Ahmad Khusairi Yahaya; Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Datuk Seri Norazlan Mohd Razali; Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan dan Profesionalisme) SPRM, Dato' Junipah Wandu; Pengarah Kanan Bahagian Siasatan SPRM, Dato' Hishamuddin Hashim; Pengarah MACA, Dato' Idris Zaharudin serta Pengarah-Pengarah Bahagian SPRM.

### Penerima Anugerah Kadet Siri 24 Bil 1/2019 (Penguasa Gred P41)



Anugerah Terbaik Akademik  
Ps NUR SABRINA BINTI ALI



Anugerah Terbaik Keseluruhan  
Ps NUR ATHIKAH BINTI AZIZ



Anugerah Terbaik Latihan Luar  
Ps KHAIRUL ANUWAR BIN  
KAMARUL ZAMAN

### Wakil Penerima Sijil Kursus Peralihan (Penguasa Gred P42)




Ps MUHAMMAD MULTAZAM BIN MOHD SHUHAINI



## Majlis Paluan Berundur Sempena Persaraan YBhg. Dato' Sri Shamshun Baharin bin Mohd Jamil, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM

Majlis Paluan Berundur telah diadakan pada 1 September 2021 sempena persaraan Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, YBhg. Dato' Sri Shamshun Baharin bin Mohd Jamil yang telah berkhidmat selama 37 tahun bersama BPR/SPRM. Unit Protokol dan Istiadat SPRM (UPIS) turut terlibat dalam memastikan acara berjalan dengan lancar.

Majlis berskala kecil yang dilaksanakan mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) yang digariskan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ini adalah sebagai mengenang jasa dan khidmat bakti yang dicurahkan beliau sepanjang bertugas di BPR/SPRM. Ia juga merupakan simbol rejimental sesebuah pasukan beruniform selain dapat mengeratkan semangat berpasukan dalam organisasi.



## Perbarisan Sempena Majlis Sambutan Ulang Tahun BPR/SPRM Ke-54

BPR/SPRM kini menjangkau usia 54 tahun menjelang 1 Oktober 2021. Usaha SPRM dalam membanteras jenayah rasuah dan salahguna kuasa sentiasa memerlukan sokongan dan kerjasama masyarakat demi menjunjung kedaulatan negara.

Majlis Sambutan Ulang Tahun BPR/SPRM Ke-54 telah dilaksanakan pada tanggal 1 Oktober 2021 bertempat di Ibu Pejabat SPRM, Putrajaya dalam normal baharu dan berskala kecil serta mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang digariskan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

MACA turut terlibat secara langsung dalam persiapan sambutan tersebut melalui Unit Protokol dan Istiadat (UPIS). UPIS bertanggungjawab memastikan acara pemeriksaan baris Kawalan Kehormatan oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM, YBhg. Tan Sri Dato' Sri Hj. Azam bin Baki berlangsung sempurna.

Selain itu, dalam usaha yang komited untuk memperkasakan SPRM, Pelan Antirasuah SPRM (PARAS) telah dibangunkan dengan sasaran untuk mengukuhkan nilai, etika dan profesionalisme warga SPRM seluruhnya, di samping memperkemas Kod Etika dan Tatakelakuan SPRM.



## ***Performance Edge Leadership Programme (PELP) P54***

PELP merupakan satu kursus yang dibangunkan secara khusus bagi membentuk pegawai SPRM Gred P54 yang mampan melalui kepimpinan yang berkualiti sebelum mengisi jawatan di Gred Utama C (JUSA C). Kursus ini dilaksanakan pada 27 hingga 29 Julai 2021 secara maya menggunakan aplikasi Zoom. Seramai 19 orang Pegawai Kanan SPRM telah menyertai kursus ini dan pemantauan kedatangan peserta-peserta kursus ini adalah melalui pengisian *Google Form* bagi setiap slot kursus yang dijalankan.

Antara aspek yang didedahkan kepada pegawai Gred P54 adalah dari segi transformasi minda, kekuatan karakter dan nilai serta kepimpinan berintegriti. Pegawai turut didedahkan dengan kemahiran analitikal, penyelesaian masalah, membuat keputusan, komunikasi berkesan serta menggunakan kreativiti dalam kepimpinan strategik. Peserta kursus juga diberi pengetahuan berkaitan budaya kerja berprestasi tinggi, pengurusan perubahan serta perundingan yang efektif. Selain daripada itu keupayaan kepimpinan diterapkan dari segi strategi serta motivasi kerja.

Objektif kursus ini adalah untuk membantu meningkatkan kecekapan kepimpinan kepada peserta dalam bidang-bidang bagi memahami kepentingan kepimpinan dalam menyokong kejayaan organisasi, menggunakan teknik-teknik tertentu dalam menyelesaikan masalah dan memandu perubahan dalam persekitaran agensi penguatkuasaan, memahami pendekatan berstruktur dalam memperkukuh dan mengekalkan kejayaan organisasi dan mewujudkan satu pelan tindakan pembangunan peribadi untuk pembelajaran berterusan serta persediaan untuk kenaikan pangkat.



## Training of Assessors for Behaviour Competency

Pada 20 hingga 22 Oktober 2021, Pusat Kecemerlangan Kepimpinan SPRM (MLEC), MACA telah melaksanakan *Training of Assessors for Behaviour Competency (TOABC)*. TOABC merupakan satu kursus yang dibangunkan secara khusus untuk 140 pegawai-pegawai kanan SPRM seluruh negara yang telah dilantik sebagai Panel Penilai Pusat Pengambilan (*Profession Assessment Centre – PAC*) P41 bagi tahun 2021 hingga 2022.

Objektif kursus ini adalah untuk membantu para peserta meningkatkan kemahiran kecekapan kepimpinan bagi menjelaskan kepentingan kepimpinan berasaskan integriti, mengesan pelbagai pengalaman dalam aspek kepimpinan, mengenali *'blind spots'* sebagai pemimpin, membangunkan kesedaran diri dan kecerdasan emosi, mengenalpasti gaya kepimpinan yang berkesan, memberi kefahaman kepada pegawai-pegawai berkaitan aplikasi psikometrik personaliti kepimpinan khusus untuk pemimpin masa depan ketika bertugas dalam pusat penilaian.

Selain itu, program ini turut mengajar pegawai tentang teknik mengukur dan mentaksir personaliti dan kompetensi menggunakan data penilaian sendiri serta mempelajari teknik mengukur dan mentaksir menggunakan data pemerhatian. Peserta juga berpeluang untuk menghasilkan profil personaliti kompetensi individu pelatih atau calon dan akhirnya menghasilkan keputusan yang bersifat sistematik, objektif dan efisien.



## Uncovering the Potential Leader In You (P38) – UTLIY

Program latihan *Uncovering the Potential Leader in You (UTLIY)* juga telah dilaksanakan secara dalam talian pada 5 hingga 7 Oktober 2021. UTLIY merupakan satu kursus yang dibangunkan secara khusus bagi menyediakan 50 pegawai SPRM Gred P38 sebagai penyelia dalam pasukan.

Objektif kursus ini adalah untuk membantu para peserta meningkatkan kecekapan kepimpinan kepada peserta dalam bidang-bidang bagi menjelaskan kepentingan kepimpinan berasaskan integriti, berkongsi pelbagai pengalaman dalam aspek kepimpinan, mengenali 'blind spots' sebagai pemimpin, membangunkan kesedaran diri dan kecerdasan emosi dan mengenalpasti gaya kepimpinan yang berkesan.



## Bengkel Koordinasi Modul dan Penilaian Akreditasi Serta Kesetaraan Program Di bawah Malaysian Qualifications Agency (MQA)


Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) telah diberikan kelulusan sebagai Pemberi Pengajian Tinggi (PPT) oleh Malaysian Qualifications Agency (MQA) pada 25 November 2020. Dengan kelulusan yang diberikan pihak MACA dapat menawarkan dan menganugerahkan program-program bertaraf Sijil (Tahap 3), Diploma (Tahap 4), Diploma Lanjutan (Tahap 5), Sijil/Diploma Siswazah (Tahap 6) serta Sijil/Diploma Pasca Siswazah (Tahap 7) dengan mengemukakan permohonan penilaian akreditasi bagi setiap program yang akan ditawarkan kepada pihak MQA.

Selain itu, pihak MACA juga boleh mengemukakan permohonan penilaian taraf untuk kesetaraan tahap MQF daripada MQA bagi program yang telah dijalankan dan akan dijalankan dengan kerjasama mana-mana institusi pengajian tinggi tempatan atau antarabangsa.

Bengkel ini adalah sebagai langkah persediaan awal MACA untuk mendapatkan input berkaitan pengemukakan permohonan penilaian akreditasi dan kesetaraan program MACA. Sepanjang bengkel ini, peserta diberi pendedahan mengenai kriteria dan keperluan yang perlu dipenuhi bagi



membangunkan serta mengkoordinasikan program atau modul serta penilaian selaras dengan pematuhan akreditasi dan kesetaraan program yang ditetapkan oleh MQA.



### **Bengkel Penyelarasan Modul *E-Learning* Bagi *Professional Diploma In International Law Enforcement: Anti-Corruption Studies (Level 5) (Blended)* for In-Service MACC Officer**

Seramai 17 tenaga pengajar telah mengikuti bengkel ini mulai 11 hingga 13 Januari 2021 bertempat di Dewan Pulau Pinang, MACA. Bengkel ini dilaksanakan sebagai persediaan kepada tenaga pengajar program akreditasi, Subject Module Leader (SML & Co SML) dan sekretariat akreditasi bagi penyelarasan dan pembangunan modul pembelajaran secara *E-Learning* Program Akreditasi Pegawai SPRM.

Di akhir bengkel ini, peserta dapat membangunkan modul pembelajaran mengikut kaedah dan cara yang lebih interaktif bertepatan dengan pelaksanaan kursus jarak jauh dan pembelajaran secara gabungan.



## **Certified Anti-Money Laundering Specialists (CAMS)**

Program *Certified Anti-Money Laundering Specialists (CAMS)* ini merupakan salah satu Program *Ad-hoc* yang mana ianya selaras dengan kandungan Pelan Strategik SPRM 2021-2025 iaitu Bidang Tumpuan Utama : Pengukuhan - Strategi Teras 4 : Mengoptimumkan Keberkesanan dan Kecekapan Pengurusan Kapasiti dan Pembangunan Kapabiliti melalui komponen - Inisiatif 3 : Memperkasakan MACA sebagai Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) / Pelan Tindakan : Melahirkan pegawai SPRM yang berpengetahuan tinggi dalam bidang-bidang pengkhususan.

Ia telah berlangsung pada 25 Oktober 2021 dan 1 hingga 29 November 2021 secara maya menggunakan Aplikasi Zoom di bawah kelolaan organisasi antarabangsa - *Certified Anti-Money Laundering Specialist (CAMS)* yang berpangkalan di Singapura dan disertai oleh seramai 9 orang Pegawai SPRM.

ACAMS merupakan organisasi pencegahan pengubahan wang haram antarabangsa terbesar yang didedikasikan untuk meningkatkan pengetahuan dan kepakaran profesional dalam pengesanan dan pencegahan jenayah kewangan di pelbagai industri baik di sektor awam dan swasta.

Program latihan ini memperakui dan mengesahkan kepakaran ahlinya dalam pengesanan, pencegahan dan pelaporan aktiviti pengubahan wang haram dan jenayah kewangan secara umumnya. Penglibatan Pegawai SPRM dalam program latihan seperti ini mampu menaikkan imej SPRM kerana menyediakan tenaga pengajar pakar yang bertauliah, berprestij dan diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Selain itu, SPRM juga dapat melahirkan pegawai yang berkebolehan dan pakar dalam penyiasatan jenayah pengubahan wang haram serta mempunyai kredibiliti semasa memberi keterangan di mahkamah kerana mempunyai wajaran di mata hakim. Ia juga boleh menjadi platform untuk menjalin kerjasama antarabangsa berikutan keahlian ACAMS melibatkan 135 negara dunia.

The slide is titled "What we will cover today" and features the ACAMS logo in the top right corner. On the left side, there is a vertical flow diagram consisting of three downward-pointing blue triangles. The first triangle is labeled "Introduction", the second is labeled "ML in banks", and the third is labeled "Wrap Up". In the center, under the heading "Introduction:", there is a numbered list: 1. What is money laundering, 3 stages; 2. Economic and social consequences of ML; 3. ML methods in depository institutions, with sub-points a. Bank transfers, b. Correspondent banking, payable through accounts and concentration accounts, c. Private Banking, and d. PEPs, structuring, credit unions/building societies. Below this list is the text "Practice Questions and Q&A". On the right side, there is a small video feed window showing a man with glasses and a headset, with the name "Gunawan Huzin" below it. Below the video feed is a blue upward-pointing triangle labeled "Agenda". At the bottom left is the ACAMS logo, and at the bottom right is the copyright notice "© 2021 ACAMS. All Rights Reserved. 4".

## **Certified Training Professional (CTP) 2021**

Selain program *Certified Coaching and Mentoring Professional (CCMP)*, SPRM turut menghantar penyertaan untuk program *Certified Training Professional (CTP)* mengikut jadual yang disusun mulai 11 hingga 24 Ogos 2021 secara maya.

22 peserta yang mengikuti program ini berpeluang mengenal pasti kekuatan dan kelemahan masing-masing sebagai seorang tenaga pengajar yang kompeten dalam menyampaikan ceramah serta mempelajari teknik terkini dalam menyampaikan ceramah serta kaedah pengisian slide ceramah yang lebih efisien. Walau bagaimanapun, hanya seramai 12 peserta sahaja berjaya ditauliahkan pada tahun 2021 manakala 10 peserta lagi terpaksa menangguhkan pentauliahkan rentetan kekangan tugas yang mendesak. 4 peserta lain yang menyertai senarai adalah merupakan peserta daripada program CTP 2020 seperti dalam jadual 1.

**JADUAL 1: Peserta yang telah berjaya menamatkan program CTP pada tahun 2021**

| <b>BIL.</b>     | <b>Nama Pegawai</b>                 | <b>Tarikh Pentauliahan</b> |
|-----------------|-------------------------------------|----------------------------|
| <b>CTP 2020</b> |                                     |                            |
| 1.              | PPj Ahmad Kamal bin Abdul Rahman    | 12 Januari 2021            |
| 2.              | PPj Hj. Celemans bin Hj. Kasim      | 12 Januari 2021            |
| 3.              | PPj Sarimah bin Sulaiman            | 17 November 2021           |
| 4.              | PPj Mohamad Rizal bin Ahmad         | 17 November 2021           |
| <b>CTP 2021</b> |                                     |                            |
| 1.              | PPj Mohd Hasraff bin Hashim         | 17 November 2021           |
| 2.              | PsK Ku Syazwani bin Ku Azmi         | 17 November 2021           |
| 3.              | PsK Zetty Zarina binti Saharudin    | 12 Januari 2021            |
| 4.              | PsK Sorfina Izzati binti Mohd Said  | 12 Januari 2021            |
| 5.              | PsK Edwin anak Ipok                 | 17 November 2021           |
| 6.              | PsK Muhammad Marzukhi bin Hashim    | 17 November 2021           |
| 7.              | PsK Mohamad Fareez bin Mohd Zawawi  | 17 November 2021           |
| 8.              | Ps Mohd Amirudin bin Nordin         | 17 November 2021           |
| 9.              | KPKPs Mohd Adib bin Othman          | 17 November 2021           |
| 10.             | KPKPs Mohd Hemi Faiz bin Ali        | 17 November 2021           |
| 11.             | PPs Nur Azwan Shah bin Nurdin       | 17 November 2021           |
| 12.             | PPs Mohamad Jainiarudin bin Zainiar | 17 November 2021           |

Zoom Meeting  
Original Sound: Off

**Mind Maps**

You are viewing Mario del Castillo's screen. View Options

Mute Start Video Security Participants Polls Chat Share Screen Record Breakout Rooms Reactions Apps More End

Mario del Castillo  
ITD  
Kevin

## ***Certified Coaching and Mentoring Professional (CCMP) 2021***


Dalam usaha untuk melengkapkan Pelan Strategik SPRM 2021-2025, SPRM berusaha untuk melahirkan lebih ramai tenaga pakar dalaman dan luaran melalui pensijilan agensi-agensi Luar. Bagi mencapai hasrat tersebut, pada tahun 2021, MACA menyusun program bersama Konsultan ITD World Sdn Bhd untuk sekian kalinya dengan melaksanakan program Certified Coaching and Mentoring Professional (CCMP) 2021 yang berlangsung mengikut jadual yang telah ditetapkan mulai 8 hingga 29 September 2021 secara maya menggunakan aplikasi Zoom.

Program yang disertai oleh seramai 22 peserta ini membuka peluang kepada peserta untuk membentuk diri menjadi mentor atau individu yang berkebolehan untuk mencetuskan pemikiran kreatif dan kritis dalam proses menjana idea, inspirasi dan potensi maksimum terhadap individu lain. Kesemua peserta telah menanggunghkan tempoh pentauliahkan ke tahun 2022 dan seramai 7 peserta CCMP 2020 pula berjaya ditauliahkan pada tahun 2021 seperti di Jadual 2.

Berikut merupakan senarai peserta yang telah mengikuti program CCMP dengan jayanya:-

**JADUAL 2: Peserta CCMP 2020 yang telah berjaya ditauliahkan pada tahun 2021**


| <b>BIL.</b> | <b>Nama Pegawai</b>              | <b>Tarikh Pentauliahkan</b> |
|-------------|----------------------------------|-----------------------------|
| 1.          | Amin Fakrie Bin Johari           | 5 April 2021                |
| 2.          | Azian Bt Umar                    | 5 April 2021                |
| 3.          | Cheong Zhit Hou                  | 5 April 2021                |
| 4.          | Firdaus Bin Umar@Adli            | 5 April 2021                |
| 5.          | Hamzah Bin Ibrahim               | 5 April 2021                |
| 6.          | Mardiana Binti Han               | 5 April 2021                |
| 7.          | Mohamad Azhar Bin Abang Mentaril | 5 April 2021                |



## Taklimat Dasar Pembangunan Sumber Manusia (DPSM) Kepada Wakil Institut Latihan Awam (ILA)

Pada 5 Ogos 2021, tiga pegawai telah mewakili MACA iaitu Timbalan Pengarah (Pengurusan) MACA, KPKPj Zuhairie bin Abu Bakar; Ketua Pusat Kecemerlangan Kepimpinan SPRM, PKPj Mohd Saud Ayutollah bin Abdul Manan dan Ketua Pusat Perancangan, Penyelidikan dan Korporat MACA, PsK Abdul Malek bin Abdullah telah menghadiri taklimat khas berkaitan Dasar Pembangunan Sumber Manusia (DPSM).

Taklimat tersebut merupakan inisiatif Bahagian Dasar, Jabatan Perkhidmatan Awam yang dilaksanakan secara atas talian bertujuan untuk memberikan penerangan berkaitan status dan juga peranan Institut latihan Awam (ILA) tentang dasar, garis panduan dan peranan ILA selaras dengan pengenalan DPSM yang akan berkuatkuasa dalam tempoh terdekat.



## Kursus Pemantapan Jurulatih: Cabaran dan Penyelesaian Kejurulatihan Semasa Pandemik

Rentetan Pandemik Covid-19 yang melanda dunia, Pusat Latihan Asas (PLA), MACA mengambil peluang untuk menyediakan Kursus Pemantapan Jurulatih: Cabaran dan Penyelesaian Kejurulatihan Semasa Pandemik bagi meningkatkan pengetahuan dan menambahbaik urusan pengendalian kursus asas yang dijalankan secara bersemuka dan secara maya sepanjang tempoh pandemik.

Kursus yang dilaksanakan sepenuhnya secara dalam talian pada 5 Oktober 2021 ini menggunakan khidmat penceramah daripada Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Pusat Latihan Polis Kuala Lumpur dan Majlis Sukan Negara.

The image shows a Zoom meeting interface. The main content is a presentation slide titled "SOP PROGRAM LATIHAN ATLET BERPUSAT MAJLIS SUKAN NEGARA". The slide is divided into two columns under the heading "PANDUAN PERLINDUNGAN PENGURUSAN".

**Left Column:**

- Bilangan atlet / jurulatih / kakitangan ke program latihan berpusat dikenalpasti berdasarkan keutamaan keperluan program sahaja.
- Semua individu yang terlibat ditempatkan secara berpusat sepanjang masa di arena / pusat latihan.
- MSN/ ISN/ PSK hendaklah menyediakan alat saringan suhu badan dan hand sanitizer di pintu masuk arena / venue dan direkodkan. Suhu badan setiap individu diambil dan direkod pada setiap hari.
- Proses sanitasi dan pembasmi kuman akan dilakukan secara berkala.

**Right Column:**

- Menjalin kerjasama dengan PDRM, kebenaran untuk pergerakan rentas negeri atlet / jurulatih / kakitangan terlibat.
- Penyediaan dan pelaksanaan Garis Panduan amalan terbaik sosial / safe distancing di semua premis Pusat Latihan Atlet Berpusat.
- Individu yang mempunyai suhu tinggi (37.5 Celsius) / gejala yang ditetapkan oleh KKM akan dirujuk dengan segera ke Klinik / Institut Sukan Negara (ISN).
- Individu yang diryaku menghadapi gejala-gejala Covid-19 dan mempunyai kontak rapat perlu memulakan segera kepada Pengurus Sukan / ISN dan arahan seterusnya akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.


The Zoom interface shows a grid of participants. At the bottom, the time is 4:16 PM and the meeting ID is bah-syuz-dnn. The browser address bar shows [meet.google.com/bah-syuz-dnn](https://meet.google.com/bah-syuz-dnn).

## Training of Trainers - Corruption Risk Management (CRM)

Kursus *Training Of Trainers - Corruption Risk Management (CRM)* dianjurkan oleh Pusat Pengajian Antarabangsa, Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) pada 5 hingga 7 April 2021 selama 3 hari di Dewan Putrajaya, MACA dengan kerjasama Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan (BPMP), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Tujuan utama kursus ini dijalankan adalah bagi melatih dan meningkatkan kompetensi pegawai-pegawai daripada BPMP yang akan menjadi penceramah bagi kursus *Corruption Risk Management (CRM)* dan juga bagi memberi pendedahan kepada para pegawai berkenaan teknik penyampaian terbaik kepada para peserta kursus.

17 peserta yang menyertai kursus ini turut didedahkan dengan proses pengajaran dalam talian seperti penggunaan aplikasi *Zoom* dan juga *Google Classroom*. Di samping itu, para penceramah turut berkongsi pengalaman mereka dalam menjalankan kursus secara dalam talian bagi memastikan hasil yang diterima peserta adalah sama seperti pengajaran secara bersemuka.






## ***Training on Trainers - Intelligence Based Investigation (IBI)***

Dalam usaha untuk memastikan barisan pelapis penceramah yang mahir menyampaikan pembelajaran terbaik berkaitan Intelligence Based Investigation (IBI), MACA telah membuka penyertaan kepada pegawai perisikan SPRM seluruh Malaysia. Pada 11 hingga 13 Ogos 2021, kursus Training On Trainers - Intelligence Based Investigation (IBI) telah berjaya dilaksanakan selama 3 hari melalui pembelajaran secara dalam talian yang disertai oleh seramai 21 peserta.

Para peserta telah didedahkan dengan latar belakang dan konsep bagi menjalankan proses siasatan berasaskan perisikan (IBI) dan juga melibatkan sesi perkongsian bagi membantu dalam pengajaran secara dalam talian.



## **Kursus Bakal Pesara**

Saban tahun, pasti akan ada warga SPRM yang menamatkan perkhidmatan setelah mencapai usia maksimum perkhidmatan dalam kerajaan. Bagi memastikan golongan ini mampu menguruskan kehidupan selepas persaraan dengan lancar dan bermakna, Kursus Bakal Pesara telah dilaksanakan pada 11 hingga 12 Oktober 2021 secara dalam talian.



Dalam kursus yang disertai oleh 14 orang bakal pesara ini, peserta dapat mengetahui tentang proses-proses persaraan dan persediaan - persediaan yang perlu dirancang bagi mencapai persaraan yang berkualiti. Peserta juga akan lebih mudah merancang persediaan mental dan fizikal serta aktiviti-aktiviti yang berfaedah dan bermanfaat termasuklah pengurusan kewangan dan wasiat bagi memastikan tiada permasalahan kewangan selepas bersara.

## Kursus Pengurusan Perolehan, Kewangan dan Pentadbiran (Siri 2)

Kursus ini dilaksanakan pada 14 dan 15 Julai 2021 secara maya bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pentadbiran Pegawai kanan SPRM dalam pelaksanaan tugas harian di SPRM. Selain itu, ia juga menambah pengalaman berkaitan hal kewangan dan perolehan kerajaan serta memberi pendedahan terperinci dan jelas berkaitan isu kewangan.

Seramai 87 peserta yang mengikuti program latihan ini akhirnya dapat mengetahui pengelasan perbelanjaan dan naziran audit pengurusan kewangan dan memahami Akta Kewangan 1984 serta melaksanakan pengurusan perolehan kewangan dan pentadbiran dengan lebih cekap, tepat dan berkesan.

Selain itu, ia juga memberi pendedahan kepada pegawai-pegawai SPRM Gred 44 hingga 52 daripada seluruh Malaysia mengenai tatacara perolehan berdasarkan pekeliling perbendaharaan kerajaan serta mematuhi tatacara dan peraturan semasa kewangan sekaligus dapat membantu Ketua Jabatan membuat keputusan yang tepat.



## Kursus Setiausaha Dinamik dan Jati Diri


Pada 1 hingga 3 Jun 2021, seramai 39 Setiausaha Pejabat warga SPRM telah menyertai Kursus Setiausaha Dinamik dan Jati Diri anjuran Sekolah Pencegahan Rasuah dan Pengurusan (SPRP), Pusat Akademik, MACA yang juga dilaksanakan secara maya.

Program ini menyentuh aspek-aspek kompetensi diri dan jawatan; integriti dalam pengendalian maklumat; penampilan diri serta protokol dan etiket sosial yang disampaikan oleh penceramah terlatih daripada Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Wilayah Utara serta Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN).

Sepanjang program latihan tersebut, peserta berpeluang mengemaskini skil kesetiausahaan apabila penceramah menyenaraikan skop kompetensi jawatan dengan tepat untuk Setiausaha Pejabat berpandukan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 27 Tahun 2009 serta mengenal pasti tatacara pengurusan kesetiausahaan berdasarkan Prosedur Kendalian Piawaian.

Pada hari terakhir kursus, Ketua Pesuruhjaya SPRM, YBhg. Tan Sri Dato' Sri Hj. Azam bin Baki telah meluangkan masa untuk menyampaikan amanat ringkas yang menyentuh tentang kepentingan

menghadiri program latihan secara berterusan meskipun Bertugas Dari Rumah (BDR) serta menjaga kesihatan diri dan keluarga dengan mematuhi SOP Majlis Keselamatan Negara (MKN).



## Asah Kemahiran Menembak di Lapang Sasar

Bagi memastikan kesiapsiagaan kemahiran penggunaan senjata api dan kefahaman peraturan serta Perintah Tetap Ketua Pesuruhjaya berkaitan penggunaan senjata api, Pegawai Suruhanjaya wajib lulus ujian kemahiran menembak dalam tempoh setahun dan kegagalannya akan mengakibatkan pegawai tidak layak untuk membawa dan menggunakan senjata api.

Sehubungan itu, MACA mengambil inisiatif dengan melaksanakan latihan menembak bertempat di Lapang Sasar Shahpadu Presint 20, Putrajaya pada 16 November 2021. Latihan tersebut dihadiri oleh Pengarah Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA), YBhg. Dato' Hj. Idris Zaharudin dan pegawai-pegawai SPRM di MACA yang menyaksikan kesemua mereka yang hadir telah lulus ujian dengan jayanya.

Program latihan dan ujian kemahiran menembak ini dijalankan dengan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ketat bagi mengurangkan risiko jangkitan Covid-19.



## Latihan Perbarisan Penerima Pingat Khidmat Setia Sempena Majlis Anugerah Apresiasi Kecemerlangan SPRM Selangor 2020

Dalam persediaan untuk menganjurkan majlis Anugerah Apresiasi Kecemerlangan SPRM Selangor 2020, Unit Protokol dan Istiadat SPRM (UPIS) turut terlibat untuk melatih pegawai dan kakitangan SPRM dalam perbarisan penerima Pingat Khidmat Setia.

Majlis tersebut telah disempurnakan oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM, YBhg. Tan Sri Dato' Sri Hj. Azam bin Baki pada 28 April 2021 bertempat di perkarangan pejabat SPRM Negeri Selangor.



## MACA Sebagai Pusat Ujian PAC

SPRM dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah mengadakan sesi Ujian *Profession Assessment Centre (PAC)* untuk pengambilan Pegawai Siasatan P41 SPRM baharu melibatkan seramai 2,143 calon pada 1 hingga 10 November 2021.

PAC dilaksanakan bertujuan untuk menyaring setiap calon baharu yang bakal berkhidmat di Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) agar mempunyai kriteria dan personaliti yang tepat dalam menggalas tanggungjawab sebagai anggota penguatkuasa. Seramai 140 panel penilai yang dipilih melalui bengkel Training of Assessor (TOA) telah ditugaskan untuk membuat penilaian kritis terhadap calon yang hadir.

MACA merupakan salah satu daripada empat pusat Ujian PAC yang menyaring seramai 1,121 calon bermula dari jam 8.00 pagi hingga 6.00 petang. Sesi ujian telah dilaksanakan di sembilan lokasi berbeza sekitar MACA.



## Mesyuarat Bulanan Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia

Mesyuarat Bulanan MACA Bil 1 Tahun 2021 telah dianjurkan pada 11 Mac 2021 secara fizikal bagi Pengurusan Tertinggi dan ketua-ketua pusat dan sekolah MACA serta secara maya melalui aplikasi Zoom bagi pegawai dan kakitangan yang lain. Mesyuarat ini merupakan perhimpunan sulung seluruh warga MACA pasca pandemik COVID-19.

Dalam perutusannya, Pengarah MACA, YBhg. Dato' Hj. Idris Bin Zaharudin mengucapkan syabas dan tahniah kepada warga MACA atas pencapaian cemerlang Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi tahun 2020 yang mana Pengarah MACA telah dikurniakan Anugerah Sijil Penghargaan Pencapaian Markah Tertinggi (Tier-3) KPI keseluruhan SPRM.

Turut mengisi slot pada pagi itu ialah Sesi Taklimat Mengenai Pemakaian Pakaian Seragam SPRM yang telah disampaikan oleh Ps Mazri bin Mansor daripada Unit Protokol dan Istiadat SPRM (UPIS). Beliau juga memaklumkan bahawa buku garis panduan tatacara pemakaian pakaian seragam SPRM akan diterbitkan dan diedaran dalam masa terdekat.

Pengarah MACA juga berbesar hati untuk menyampaikan hadiah sumbangan Perpustakaan MACA kepada peminjam buku terbanyak Perpustakaan MACA bagi tahun 2020 iaitu Puan Wan Sabrina Binti Wan Ibrahim daripada Unit Keselamatan MACA.



## MACA Terima Bas dan Kenderaan Baharu

Pada 21 Disember 2021, Timbalan Pengarah (Pengurusan), KPKPj Zuhairie bin Abu Bakar telah mewakili Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) untuk menerima replika kunci bas sebagai simbolik penyerahan bas MACA yang baharu untuk kegunaan serta urusan rasmi MACA dan SPRM.

Majlis penyerahan bas tersebut telah disempurnakan oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Dato' Sri Haji Azam Baki. Reka cipta bas MACA yang baharu itu merupakan hasil buah fikiran dan kreativiti KPKPj Zuhairie yang telah memenangi pertandingan reka cipta anjuran Kelab Sukan dan Rekreasi MACA.

Sebelum itu, Pengarah MACA YBhg. Dato' Hj. Idris telahpun menerima dokumen penyerahan kenderaan jabatan sejurus usai Mesyuarat Pengarah-Pengarah.



## **Pengarah MACA Iringi Ketua Pesuruhjaya SPRM Menerima Kunjungan Hormat YBhg. Dato' Dr. Husaini bin Omar, Ketua Pengarah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)**

Putrajaya, 3 Februari, YBhg Tan Sri Dato' Sri Hj Azam bin Baki, Ketua Pesuruhjaya SPRM telah menerima kunjungan hormat YBhg. Dato' Dr. Husaini bin Omar, yang baru dilantik sebagai Ketua Pengarah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang baharu berkuatkuasa 1 Februari 2021.

Dalam pertemuan tersebut, Ketua Pesuruhjaya SPRM mengalu-alukan kedatangan Dato' Dr Husaini dan mengucapkan tahniah atas pelantikan tersebut dan percaya Dato' Dr Husaini dapat memimpin KPT dengan baik berdasarkan berpengalaman luas beliau dalam Sektor Pendidikan Tinggi.

Manakala Dato' Dr Husaini menyatakan kekaguman beliau dengan pencapaian SPRM dalam usaha pencegahan rasuah di Malaysia walaupun pelbagai cabaran dan halangan yang terpaksa dilalui dalam tempoh mencabar ini.

Pertemuan selama lebih kurang 1 jam itu banyak membincangkan kerjasama yang boleh dicapai di antara kedua-dua pihak terutamanya dalam bidang akademik untuk pegawai SPRM dan formula terbaik untuk memperkasakan Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) yang telah mendapat taraf Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) pada November 2020.

Dato' Dr Husaini juga berharap SPRM dapat membantu memberikan nasihat dan panduan dalam menjadikan KPT sebagai sebuah Kementerian yang cemerlang dalam pemantapan integriti, pencegahan rasuah dan tadbir urus yang baik.

Turut hadir ialah Pengarah MACA, YBhg. Dato, Hj Idris bin Zaharuddin, Timbalan Pengarah (Pengurusan) MACA, KPKPj Zuhairie bin Abu Bakar dan wakil daripada Nottingham Trent University (NTU), United Kingdom, Dr Kassim Noor Mohamed.






# Lawatan Penandaarasan Secara Maya Oleh IKWAS Jalin Kerjasama Erat

Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia telah menerima lawatan penandaarasan secara maya oleh Institut Latihan Awam Negara Kampus Wilayah Selatan (IKWAS) pada 6 Ogos 2021. Lawatan tersebut turut disertai oleh seramai 21 pegawai kanan IKWAS yang diketuai oleh Pengarah IKWAS, Encik Mohammad Haffizie bin Putit.

Lawatan yang julung kali diadakan ini bertujuan untuk melihat pengurusan latihan di MACA sebagai sebuah Institut Latihan Awam yang telahpun berjaya mendapat pengiktirafan sebagai Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) daripada Malaysian Qualifications Agency (MQA) tahun lalu.

Dalam pertemuan secara atas talian tersebut, Encik Mohammad Haffizie bin Putit turut menzahirkan hasrat untuk menjalinkan kerjasama bestari dalam usaha untuk meningkatkan kualiti program latihan IKWAS di samping melonjakkan kredibiliti dan pengetahuan tenaga pengajar IKWAS terutamanya berkaitan integriti.



## MACA Sedia Terima JKMM Sebagai Rakan Strategik

Pengarah Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) telah menerima kunjungan hormat delegasi daripada Jabatan Ketua Menteri Melaka (JKMM) yang diketuai oleh Encik Shaifulfazlee Mohamad, Ketua Unit Integriti JKMM pada 22 November 2021.

Kunjungan hormat ini bertujuan untuk menyerahkan dokumen Pelan Pengurusan Antirasuah (OACP) peserta-peserta Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) Negeri Melaka Siri 28 Bilangan 3 tahun 2021, di samping menjalin hubungan kerjasama sebagai rakan strategik bersama SPRM dan MACA khasnya, dalam pelbagai program latihan pada masa akan datang.

Turut hadir ialah Timbalan Pengarah (Pengurusan) MACA, KPKPj Zuhairie Abu Bakar, Timbalan Pengarah (Akademik dan Latihan Asas) MACA, KPKPj Zakiah Hassan, wakil-wakil delegasi JKMM serta pegawai-pegawai SPRM.



## Lawatan Kerja Pusat Akademik MACA ke UPNM

Pada 21 Disember 2021, Pusat Akademik, Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) telah mengadakan lawatan kerja ke Pusat Pembangunan Akademik, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) dalam usaha menelusuri bidang baru pendidikan tinggi khususnya melibatkan bidang penguatkuasaan dan keselamatan.

Lawatan yang diketuai oleh Timbalan Pengarah (Akademik dan Latihan Asas) KPKPj Zakiah binti Hassan ini memfokuskan kepada struktur UPNM sebagai Pusat Pengajian Tinggi yang lahir dari Akademi Tentera Malaysia (ATMA) serta melihat bagaimana penstrukturan program bertaraf pendidikan tinggi dibentuk selaras dengan keperluan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF).

Pusat Pembangunan Akademik UPNM yang diketuai oleh Pengarah Kanan, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UPNM, YBhg. Dato' Dr. Norhasni binti Zainal Abidin turut komited untuk bekerjasama dengan Pusat Akademik MACA bagi membantu membangunkan program-program yang bersesuaian dengan keperluan SPRM dalam usaha untuk melahirkan pakar-pakar dalam bidang pencegahan rasuah selaras dengan Bidang Teras Visi SPRM iaitu memperkasakan MACA sebagai Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) di Malaysia.

Hadir sama dalam sesi lawatan ialah Ketua Pusat Latihan Asas MACA, PKPj Shuhaimi bin Man; Ketua Pusat Akademik MACA, PKPj Umi Kalusom Ahmad; Penyelaras Jaminan Kualiti UPNM,

YBrs. Prof Madya Dr. Muhammad Faiz Bin Md Din; Timbalan Pendaftar Bahagian Pengurusan Akademik UPNM En Mohd Fadhzil bin Zainol serta pegawai-pegawai kanan MACA dan Pejabat Pendaftar UPNM.







# PENGURUSAN

# PENGURUSAN

## Aset MACA Tahun 2021

Bagi tahun 2021 kuantiti aset alih bagi harta modal ialah sebanyak 640 unit dengan nilai RM 3,493,198.47 manakala jumlah aset alih bernilai rendah ialah 5,624 unit dengan nilai RM 1,988,808.88. Jumlah keseluruhan aset di MACA pada tahun 2021 adalah seperti jadual di bawah:

### ASET MACA TAHUN 2021

| PERKARA                             | KUANTITI     | NILAI PEROLEHAN ASAL (RM) |
|-------------------------------------|--------------|---------------------------|
| HARTA MODAL                         | 640          | 3,493,198.47              |
| ASET ALIH BERNILAI RENDAH           | 5,624        | 1,988,808.88              |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN ASET ALIH</b> | <b>6,264</b> | <b>5,482,007.35</b>       |

## Peruntukan Mengurus Kewangan MACA Tahun 2021

Unit Kewangan di bawah Bahagian Pengurusan MACA bertanggungjawab untuk memastikan perbelanjaan mengurus digunakan secara berhemah. Justeru, perancangan rapi telah diatur sejak awal lagi bagi mengelakkan pembaziran.

Peruntukan mengurus tahun dari tahun 2018 hingga 2021 adalah seperti dalam Carta 1. Prestasi perbelanjaan mengurus pula berjaya mencapai 88.20% seperti yang dinyatakan dalam Carta 2.

### Peruntukan Mengurus MACA Bagi Tahun 2018 Hingga 2021




### Peruntukan dan Prestasi Perbelanjaan Mengurus MACA Tahun 2021



## Perjawatan MACA Tahun 2021

Berdasarkan Waran Perjawatan A76/2020, terdapat sejumlah 130 perjawatan yang merangkumi pegawai SPRM dan pegawai gunasama pada tahun 2021. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 115 jawatan telah diisi yang menyumbang sebanyak 88.46% dan terdapat sebanyak 15 kekosongan pada akhir tahun 2021 seperti yang dinyatakan dalam carta dibawah:

### PERJAWATAN MACA BAGI TAHUN 2021





## Sistem Pengurusan Maklumat Bersepadu MACA

Bagi mengautomatiskan pengurusan latihan dan pengurusan fasiliti yang lebih berkesan dengan fokus untuk melatih modal insan sektor awam, swasta dan antarabangsa bagi memantapkan usaha pencegahan rasuah, Sistem Pengurusan Maklumat Bersepadu (SPMB) yang diberi nama 'GMACA' telah diperkenalkan. Sehingga tahun 2020, Modul Serahan 1 yang meliputi tujuh modul utama iaitu Modul Perancangan Kursus, Pelaksanaan Kursus, Permohonan Kursus, Pengurusan Peserta, Pengajaran dan Pembelajaran, Pengurusan Kandungan Portal, Pentadbiran Pengguna dan Dashboard Pengguna (Profil Diri) telahpun siap sepenuhnya.

Manakala, untuk Modul Serahan 2 yang diusahakan mulai tahun 2021 pula melibatkan lapan modul lagi iaitu Modul Pengurusan Kadet, Pengurusan Fasiliti, Kehadiran Kursus, Pengurusan Penceramah, Penilaian Kursus, Dashboard Pengguna, Pelaporan dan Pengurusan Kewangan. Kesemua modul ini telahpun selesai dan berada dalam fasa akhir iaitu sesi pengujian bersama pengguna dalam persekitaran sistem sebenar di SPRM dan Pusat Data Sektor Awam (PDSA) pada November 2021.



Rajah 1.1 Modul yang terlibat untuk Modul Serahan 1 dan 2

Sepanjang tahun 2021, beberapa aktiviti pelaksanaan projek telah diadakan seperti bengkel-bengkel latihan bersama pengguna, demo pembentangan status terkini perkembangan projek, aktiviti konfigurasi dan pemasangan sistem dan mesyuarat mingguan.

Dalam tempoh pandemik Covid-19, mesyuarat mingguan telah diadakan secara bersemuka dan secara maya bagi memastikan pihak Uni-Technologies Sdn Bhd (UTSB) selaku vendor dilantik dapat membentangkan perkembangan semasa pembangunan projek ini kepada pasukan MACA secara berkala selain untuk mendapatkan maklum balas bagi cadangan templat sistem yang telah ditambah baik.

Selain itu, demo pembentangan berkala juga dilaksanakan secara dalam talian yang bertujuan untuk mendapatkan maklum balas dan pengesahan berkenaan pembangunan sistem yang telah dilaksanakan. Di samping itu, ia turut memberikan gambaran dan pendedahan awal kepada pengguna tentang kaedah penggunaan sistem secara menyeluruh.



## Majlis Ihya' Ramadhan

Bersempena dengan kehadiran bulan Ramadhan Al-Mubarak, Pengarah MACA, YBhg. Dato' Hj. Idris bin Zaharudin telah merasmikan Majlis Ihya' Ramadhan 1443H pada 1 April 2021 di Dewan Tun Ismail, MACA.

Penceramah jemputan, Al-Fadhil Ustaz Mohamad Afandi bin Che Harun, Penolong Pengarah Kanan Kluster Ilmu Turath dan Tamadun Islam, Institut Latihan Islam, Bangi telah menyampaikan ceramah bertajuk Marhaban Ya Ramadhan. Al-Fadhil Ustaz menyatakan bahawa sebagai manusia, kita sering alpa dan terlupa. Ramadhan menyediakan ruang untuk manusia menjinakkan nafsu bagi meletakkan amanah dan integriti di makam yang paling tinggi selain mendidik jiwa agar sentiasa sabar dan bermujahadah dalam melaksanakan tanggungjawab duniawi dan ukhrawi.

Selain itu, Pengarah MACA turut menyampaikan Beg Kongsi Rezeki sumbangan Ketua Pesuruhjaya SPRM, YBhg. Datuk Seri Azam bin Baki kepada semua warga kerja MACA Gred 19 dan ke bawah sempena menyambut bulan Ramadhan yang mulia.



## Dokumentari Merdeka RTM: Legasi 1957

RTM telah menerbitkan dokumentari khas merdeka ke-64 edisi 2021 bertajuk Legasi 1957 dan disiarkan di semua stesen televisyen Malaysia. Dokumentari tersebut menyaksikan penampilan khas Timbalan Pengarah (Pengurusan) MACA, KPKPj Zuhairie bin Abu Bakar yang mengimbas semula peranan dan penglibatan beliau sebagai pembaca Ikrar Hari Kebangsaan ke-62 yang lalu. Dokumentari ini telahpun ditayangkan pada 31 Ogos 2021 di Saluran RTM.



## Gerobok Rezeki MACA

Gerobok Rezeki MACA telah dilancarkan dan dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan & Profesionalisme) YBhg. Dato' Junipah Wandi pada 15 Februari 2021.

Gerobok Rezeki MACA merupakan satu sudut pengumpulan bantuan barangan dan makanan asas bagi keperluan individu atau keluarga yang kurang berkemampuan dan memerlukan bantuan. Gerobok tersebut ditempatkan di ruang legar Aras Bawah, Blok A, MACA.

Warga MACA yang memerlukan bolehlah mengambil barangan dan makanan yang disediakan itu sekadar perlu bagi membolehkan lebih ramai individu dapat menikmati sumbangan tersebut.



## Perkongsian Maklumat Oleh Perpustakaan MACA

Bagi meningkatkan kesedaran tentang kepentingan membaca dalam kalangan warga MACA, pelbagai inisiatif telah dirancang dan dilaksanakan oleh Perpustakaan MACA. Selain itu, pelbagai sumber dan kaedah juga diperkenalkan dalam menyediakan maklumat yang tepat.

Perpustakaan MACA mengambil peluang ini untuk mempromosikan buku-buku terbaru, keratan akhbar terkini serta informasi semasa berkaitan pencegahan rasuah, khususnya SPRM di paparan Facebook Perpustakaan MACA (<https://www.facebook.com/perpustakaan.maca>).

Di samping itu, Perpustakaan MACA turut mengirimkan emel tentang sinopsis buku-buku terbaru secara mingguan kepada warga MACA serta memuat naik maklumat tersebut di Facebook Perpustakaan MACA.



## Semarak Iqra' Sempena **WORLD #QURANHOUR**

Perpustakaan MACA dengan kerjasama PUSPANITA MACA telah menganjurkan Program Semarak Iqra' sempena *World Quran Hour* pada 6 Mei 2021. Program ini dilaksanakan di Ruang Bacaan Perpustakaan MACA.

*World #QuranHour2021* anjuran Perpustakaan MACA telah memilih Surah Al-Mulk sebagai surah pilihan untuk dihayati bersama-sama. Perkataan "Al-Mulk" bermaksud kerajaan dan merupakan surah ke-67 dalam Al-Quran. Ia juga dikenal dengan nama lain iaitu 'At Tabaarak' yang bermaksud Maha Suci. Surah ini juga tergolong surah 'makkiyah' yang terdiri daripada 30 ayat. Ia adalah surah yang membawa keamanan dan keselamatan kerana ia akan melindungi kita daripada seksa kubur sekiranya dijadikan amalan.

Secara tidak langsung, kempen *World #QuranHour* ini mengajak umat Islam untuk berinteraksi dan menghayati al-Quran, menyuntik semangat spiritual sebagaimana ajaran yang terkandung di dalamnya, selain menaikkan imej Islam.

Jika diperhatikan, kandungan surah Al-Mulk ini amat sesuai diamalkan dalam situasi negara dan dunia yang sedang berhadapan dengan ujian yang sangat besar iaitu wabak Covid-19.



## Jom Baca Bersama Sepuluh Minit 2021

Program tahunan Jom Baca Bersama Sepuluh Minit 2021 yang disambut serentak di seluruh negara setiap tahun sempena Sambutan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia telah dilaksanakan pada 22 April 2021.

Program yang dilaksanakan di Perpustakaan MACA ini adalah program anjuran bersama Pusanita MACA. Program ini diadakan sebagai satu inisiatif galakan untuk menanam budaya suka membaca dalam kalangan warga MACA.

Seperti sedia maklum, membaca dapat mengelakkan kita daripada menjadi katak di bawah tempurung. Peribahasa melayu ini bermaksud seseorang yang hanya berada dalam lingkungan kehidupannya saja tanpa mengambil langkah untuk menjelajah lebih jauh lagi dan memimba pengalaman baharu.



# FASILITI MACA



Makmal Komputer



Moot Court



Kafetaria



Perpustakaan



Surau



Dewan Tun Ismail



Asrama





Video Interviewing Room (VIR)



Dewan Kuliah



Bilik Mesyuarat Utama



Gimnasium



Galeri



Kemudahan Zoom Meeting





# **KELAB KEBAJIKAN DAN REKREASI MACA**

# KELAB KEBAJIKAN DAN REKREASI MACA

## Jualan Kiosk Kelab Sukan dan Rekreasi MACA

Sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), aktiviti Kelab Kebajikan dan Rekreasi MACA tidak dapat diteruskan berikutan jadual penggiliran Bekerja Dari Rumah (BDR) dan bekerja di pejabat melibatkan pegawai dan kakitangan MACA. Seluruh warga Malaysia perlu mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) kerajaan yang melarang sebarang aktiviti bersemuka dan berkumpul diadakan sepanjang tempoh tersebut.

Setelah situasi Covid-19 kembali normal dan warga MACA kembali bertugas seperti biasa, MACA telah meneruskan aktiviti jualan kiosk makanan dan minuman mulai 1 November 2021. Aktiviti jualan ini dapat memudahkan warga MACA mendapatkan makanan dan minuman di premis MACA serta menambah sumber pendapatan MACA.



Selain itu, ia juga dapat memberi peluang kepada warga MACA yang berminat untuk menambah sumber pendapatan mereka dengan menyediakan bahan jualan di kiosk yang disediakan.

## Pertandingan Mereka Cipta Corak dan Warna Bas MACA dan Bas SPRM

Pada 25 Julai 2021, Kelab Kebajikan dan Rekreasi (KKR) MACA dengan kerjasama Unit Kenderaan, Bahagian Pengurusan MACA telah membuka penyertaan kepada semua warga MACA dan Kadet Kursus Asas SPRM di MACA bagi Pertandingan Mereka Cipta Corak dan Warna Bas MACA dan Bas SPRM (Bahagian Luar).

Pertandingan ini terbahagi kepada 2 kategori iaitu Reka Cipta Corak Bas MACA dan Reka Cipta Corak Bas SPRM. Peserta dikehendaki mereka cipta corak dan warna struktur badan bas yang berkapasiti 40 penumpang untuk bas SPRM serta mereka cipta corak dan warna struktur badan bas MACA yang bercirikan institusi pengajian dan latihan.

Kategori Reka Cipta Corak Bas MACA telah dimenangi oleh Timbalan Pengarah (Pengurusan) MACA, KPKPj Zuhairie bin Abu Bakar, manakala bagi kategori Reka Cipta Corak Bas SPRM pula dimenangi oleh Penolong Jurutera MACA, Encik Hairudin bin Tokimin yang membawa pulang wang tunai berjumlah RM 500 setiap seorang. Semua peserta yang menyertai pertandingan ini turut menerima hadiah sagu hati RM50.





# **PUSPANITA CAWANGAN MACA**

# PUSPANITA CAWANGAN MACA

## Bazaar Aidilfitri Puspanita 2021

Sempena Hari Raya Aidilfitri yang bakal menjelma, Puspanita Cawangan MACA telah menganjurkan Program Bazaar Aidilfitri Puspanita 2021 pada 6 dan 7 Mei 2021 mulai jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang di ruang legar Blok A, MACA. Program ini dilaksanakan sebagai pentas untuk mengeratkan hubungan silaturrahim sesama warga MACA serta memupuk sifat prihatin di samping menjaga kewangan Puspanita.

Program Bazaar Aidilfitri juga membuka peluang kepada usahawan dan juga peniaga separuh masa dalam kalangan warga MACA yang ingin menambah pendapatan sampingan. Selain itu, ia turut memudahkan pegawai kadet SPRM yang sedang menjalani Kursus Asas SPRM untuk membeli barangan keperluan hari raya berikutan jadual yang padat dan kekangan untuk keluar membeli-belah dalam suasana Pandemic Covid-19.



## Silaturrahim Ahli Puspanita Cawangan MACA Kembali Terjalin

Setelah hampir dua tahun tidak berpeluang melaksanakan sebarang program secara bersemuka bersama ahli, Puspanita Cawangan Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) telah menganjurkan Majlis Hi-Tea PUSPANITA Cawangan MACA pada 10 Disember 2021 di Restoran 360 Atmosphere, KL Tower, Kuala Lumpur.

Pengerusi PUSPANITA Cawangan MACA, YBhg. Datin Hajah Mas'amah binti Ibrahim dalam ucapannya menyatakan rasa teruja dan gembira kerana dapat beramah mesra dengan sebahagian daripada ahli PUSPANITA cawangan MACA berjumlah 43 orang, yang masing-masing kelihatan ceria dan mempamerkan sokongan terhadap barisan Ahli Jawatankuasa PUSPANITA Cawangan MACA yang baharu dengan mengenakan busana sesuai dengan tema 'Glam Rock'.

Beliau juga menyeru kepada semua pegawai dan kakitangan lelaki di MACA untuk menggalakkan pasangan masing-masing untuk menyertai PUSPANITA dengan mengisi borang keahlian dan berharap agar program-program PUSPANITA Cawangan MACA akan lebih meriah dengan penyertaan mereka.



The background features an aerial view of a city skyline, likely Kuala Lumpur, with the Petronas Twin Towers and the Kuala Lumpur Tower visible. The scene is partially obscured by a blue geometric pattern of diagonal lines in the corners. The text is centered in the middle of the image.

# ANTI-CORRUPTION & INTEGRITY LEARNING HUB





# LAMPIRAN

# *Sidang Redaksi*

LAPORAN TAHUNAN MACA 2021



KPKPj Zuhairie bin Abu Bakar  
PsK Abdul Malek bin Abdullah  
PsK Suriati binti Sukardi  
PsK Shani bin Mandu  
PsK Kamarul Zaman bin Mosman  
PsK (K) Wan Narmi Aziana binti Wan Abdullah  
Pn. Norul Hazlina binti Mohmed Atar  
PPs (K) Nur Shahida Azlin binti Mohamad Dee  
Pn. Hairulnisak binti Kassim  
Cik Josephine Joseph  
Encik Saidin Omar bin Muchlis  
Cik Aisyah Amalin binti Muhd Zalani

# Ahli Jawatankuasa Pelaporan

LAPORAN TAHUNAN MACA 2021



PsK Edwin anak Ipok  
KPKPs Nelmy binti Amrizal  
PKPs Mahmud bin Zakaria  
PKPs Nora binti Bahrin  
PPs Nur Azwan bin Nurdin  
PPs Muhammad Fazly bin Ismail  
PPs Zulfadzly bin Abd Jalil  
PPs Sheikh Mohd Hilmi bin Sheikh Abdul Halim  
PPs Nor Farihan binti Hassan  
PPs Mohammad Jainiarudin bin Zainiar  
PPs Delvinder Singh a/l Jasvir Singh  
PPs Soffi Azwa binti Mohd Noor  
Pn. Che Rohana binti Darus  
Pn. Nurul Faizzah binti Mohddin  
Pn. Norliana binti Osman  
Pn. Nur Shafikah binti Md Nasir  
Cik Fatehah Aisya binti Ab. Ghani

**© Hak Cipta Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA)**

Hak Cipta ini adalah milik Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA). Kesemua atau mana-mana bahagian laporan ini boleh disalin dengan syarat pengakuan sumber dibuat atau kebenaran diperolehi daripada MACA. MACA menyangkal sebarang tanggungjawab, waranti dan liabiliti sama ada secara nyata atau tidak ke atas sebarang salinan penerbitan yang dibuat tanpa kebenaran MACA. Adalah perlu untuk memaklumkan penggunaan. Hak Cipta terpelihara.

**AKADEMI PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA**

Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin  
Off Jalan Tuanku Abdul Halim,  
50480 Kuala Lumpur.

☎ 603 6209 2800

🌐 603 6201 8539

✉ info.maca@sprm.gov.my

📘 Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia

**<http://www.sprm.gov.my/maca>**

ISSN 2289-5493



9 772289 549006